



COMPLIMENTARY

# PERHITUNGAN MAHATHIR

RAHMAN SHAARI

COMPLIMENTARY



فنزبیتن ترا ترا

PENERBITAN TRA-TRA

Cetakan Pertama 1984

© Rahman Shaari

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbitan TraTra Sdn. Bhd. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti dan honorarium.

M  
320.9595  
RAH

416393

APB

TRATRA PUBLISHING & TRADING SDN. BHD.  
NO. 103 & 103B, JALAN AMINUDDIN BAKI,  
TAMAN TUN DR. ISMAIL.  
KUALA LUMPUR. TEL: 783943/785448

## Kandungan

## Muka surat

|   |    |
|---|----|
| Perhitungan .....   | 2  |
| Persidangan Agung Umno ke-34 .....                        | 8  |
| Mahathir dan Sikap Berterus-terang .....                  | 13 |
| Siapa Di hati Perwakilan 1984                             |    |
| Fitnah .....  | 19 |
| Masalah Kafir Mengkfir .....                              | 22 |
| Nasionalisme .....  | 27 |
| Nasionalise dan Internasionalisme .....                   | 31 |
| Isu Perlembagaan: Monarki dan Demokrasi Di Malaysia ..... | 34 |
| Isu Perlembagaan dan "Jebat" .....                        | 39 |
| Republik Islam .....                                      | 41 |
| Kassim Ahmad .....  | 45 |
| Subky Latiff .....  | 49 |
| Lagi Politik Perlis .....                                 | 54 |
| Pilihanraya Seremban 19.11.1983 .....                     | 60 |
| Mahathir Di Lapangan Terbang .....                        | 62 |
| Penerangan Perdana Menteri Di Dewan .....                 | 65 |
| Rakyat Pada 2hb Disember 1983 Pukul 4.00 petang           |    |

## Pendahuluan

Ini adalah buku kedua saya, selepas "**Zaman Mahathir**". Pandangan-pandangan di dalam buku ini merupakan tanggapan-tanggapan objektif saya terhadap perkembangan politik tanahair. Kebanyakan tanggapan saya sandarkan kepada perkembangan-perkembangan di dalam UMNO, tapi saya juga tidak mengketepikan perkembangan-perkembangan di luar partai terpenting itu.

Peristiwa-peristiwa politik semua partai berlaku setelah para pemimpin dan pengikut membuat perhitungan. Perhitungan pemimpin kadang-kadang diterima terus oleh para pengikut, tetapi ada juga pandangan dan tindakan dari orang atasan itu dicanggah oleh pengikut. Hal ini bergantung pada ketepatan perhitungan pemimpin, dan tidak kurang juga pada karisma pemimpin itu. Khusus untuk Mahathir, perhitungannya untuk menyelesaikan masalah pindaan perlembagaan amatlah menarik. Ini akan dibicarakan dalam tajuk-tajuk tertentu.

Sungguhpun buku ini dinamakan "**Perhitungan Mahathir**", anda akan menemui perhitungan-perhitungan orang lain juga. Saya namakan buku ini "**Perhitungan Mahathir**", kerana peristiwa-peristiwa dalam negara selama pentadbiran Mahathir sering dikaitkan dengan dirinya sebagai pemimpin. Peristiwa-peristiwa dalam zaman ini dihubungkan orang dengan usaha-usaha positifnya untuk memajukan rakyat dan negara. Kadangkala orang menganggap bahawa tindakannya silap. Kesilapannya tentulah berakar kepada kesilapan perhitungannya, dan apabila ia hendak memadamkan kesilapan itu, ia perlu membuat perhitungan baru.

Sebagai reaksi kepada perhitungan dan tindakannya, orang lain juga membuat perhitungan-perhitungan dan tindakan-tindakan tersendiri. PAS selepas Asri mencari pelbagai idea baru untuk menunjukkan bahawa usaha-usaha Mahathir masih di peringkat "**Jibayah**". Konsep ini pernah ada pada zaman Asri menerajui PAS dulu, tapi Abdul Hadi Awang mengemukakan hal ini secara tegas dan jelas, hasil daripada perhitungan radikalnya. Selain Hadi, Subky Latiff juga berusaha bersungguh-sungguh untuk membuktikan 'kebenaran' PAS dan kejahilan pihak lawannya.

Kassim Ahmad dari **Parti Sosialis Rakyat Malaya (P.S.R.M.)** pada awalnya memberi reaksi yang perlahan terhadap kemajuan yang dibawa oleh Mahathir. Pembebasan Kassim dan orang-orang tahanan lain pada tahun lalu adalah tindakan **Mahathir dan Musa** yang berdasarkan perhitungan yang bijaksana. Namun Kassim masih tidak berpuas hati dengan slogan "**Memandang ke Timur**", kerana menurutnya, Jepun dan Korea juga merupakan negara Kapitalis. Walau bagaimanapun suara keras dan kasar daripada tokoh sosialis Islam itu tidak kita dengari kini. Kritik-kritik yang diberikannya adalah lembut sekali jika dibandingkan dengan kritik-kritikannya pada masa-masa lalu. Bahkan dalam hal pindaan perlembagaan, Kassim dan P.S.R.M berdiri teguh di belakang Mahathir.

Keseluruhan yang berlaku dalam jangka masa yang tidak begitu panjang sejak Mahathir mentadbir negara ini masih dapat dianggap segar dan baru. Perkembangan ini rasanya akan terus menarik perhatian. Buku ini adalah sumbangan kecil untuk para pembaca meneliti dan memikirkan perkembangan yang lepas dan yang akan datang. Itu penting, kerana kita semua harus mempunyai perhitungan untuk menentukan masa depan bangsa dan negara kita.

**Rahman Shaari.**

THE  
LIBRARY OF THE  
MUSEUM OF MODERN ART  
1000 MUSEUM AVENUE  
NEW YORK, N. Y. 10028



**Dato' Sri Dr Mahathir melangkah ke arah kemajuan**



## PERHITUNGAN

Apabila Mahathir memprotes Tunku Abdul Rahman secara terang-terang 13 tahun yang lalu, ia sebenarnya sudah membuat perhitungan. Ia sudah memilih jalan itu, jalan penentangan, kerana mengikut pertimbangannya, jalan yang satu lagi, iaitu menjadi pak turut, tidak akan menguntungkan bangsa dan negara. Peristiwa penentangan itu adalah pertanda awal kebangkitannya, sungguhpun pada ketika itu orang melihatnya sebagai *'the angry young man'* yang tidak akan ke mana-mana.

Anwar Ibrahim yang amat muda pada masa itu sedang melangsungkan demonstrasi demi demonstrasi menentang segala macam penyelewengan. Dua orang ini menjadi perhatian belia dan pelajar ketika itu. Majlis-majlis forum, seminar dan seumpamanya yang dianjurkan oleh Anwar dan orang-orang sepertinya, kerap benar disertai oleh Mahathir. Sungguhpun buku *'Malay Dilemma'* tidak dapat dibaca secara terbuka pada masa itu, idea-idea Mahathir boleh sampai ke kalangan belia, mahasiswa dan kaum intelektual melalui aktiviti-aktiviti yang disusun oleh persatuan-persatuan mahasiswa di mana Anwar amat aktif. Mahathir pun berpesan kepada Anwar: "Kalau saudara keluar dari universiti nanti, janganlah saudara berhenti berjuang".

Mahathir diketepikan dari UMNO kerana sikap terbukanya menentang pucuk pimpinan. Anwar pula, walau kini ia mendakwa telah lama menjadi ahli UMNO Cherob Tok Kun, pada masa itu belum pernah menampakkan sifat seorang ahli UMNO. Yang mencirikan diri Anwar ketika itu ialah idea-ideanya yang berani serta demonstrasi-demonstrasi yang dianjurkannya, atau yang ia terlibat.

Kesesuaian antara kedua-dua mereka ini pada masa itu ialah perhitungan mereka dengan pucuk pimpinan kerajaan. Orang lain pun terutama dari partai-partai pembangkang, tidak bersetuju dengan pimpinan pada masa itu. Orang UMNO juga ramai yang mempunyai pandangan yang kira-kira sama dengan penentang-penentang dari partai-partai lawan. Tetapi penentangan Mahathir dan Anwar adalah penentangan yang berlandaskan suatu perhitungan yang sudah diputuskan. Kedua-dua mereka memilih kerja sendiri kemudiannya. Mahathir dengan Klinik Maha, Anwar dengan Yayasan Anda. Ada tanda-tanda bahawa Mahathir sudah memadamkan hasratnya untuk menjadi orang kerajaan. Anwar Ibrahim pula sememangnya tidak pernah bercita-cita demikian. Semasa Sanusi Junid terpilih menjadi calon UMNO pun, Anwar masih senyum sinis.

Mahathir memasuki UMNO semula hasil kehendak dan usaha orang lain, terutama Datuk Harun Idris. Ketika Datuk Harun menyampaikan hasrat-

nya menjemput Mahathir kembali ke pangkuan UMNO, Mahathir masih menimbang-nimbang lagi. Akhirnya ia bersetuju.

Kembalinya Mahathir ke UMNO adalah satu sejarah yang sama pentingnya dengan penyingkirannya dulu. Anwar masih seperti dirinya yang awal-awal lagi. Apabila Mahathir kian berkuasa, terciptalah akta-akta yang menghalang kaum pelajar berdemonstrasi seperti dulu. Tidak dapat diduga apakah perasaan Anwar. Dalam satu tunjuk perasaan yang hebat, Anwar sendiri tertangkap. Sebelum itu, dalam tunjuk perasaan yang lain, Anwar menyindir Ghazali Shafie berhadap-hadapan, dan pastilah sindiran-sindiran Anwar itu menimbulkan kemarahan menteri yang kini tertua itu. Anwar mempunyai pengikut yang ramai, tapi halangan-halangan yang timbul pada masa itu menyebabkan sokongan-sokongan terhadapnya tidak begitu ketara.

Perhitungan Anwar seterusnya ialah: adakah ia wajar menyertai PAS. Tidak kecil jumlah intelektual Islam di dalam PAS. Mereka itu melihat Anwar sebagai salah seorang tokoh harapan jika ia menyertai PAS. Anwar juga amat kasih dan hormat kepada mereka itu. Bahkan, Anwar juga amat menghargai Datuk Asri sendiri. Pada masa Datuk Asri tersingkir pun, Anwar masih memandang tinggi terhadap kepimpinannya yang memakan masa hampir 20 tahun itu.

Akan tetapi Anwar juga melihat keadaan tidak kukuh yang ada di dalam PAS. Para intelektual PAS tentulah tidak akan mengkafirkan orang lain, kerana mereka itu mengetahui hukum Islam. Akan tetapi perjalanan PAS boleh menuju ke arah itu. Dalam PAS ada golongan yang dinamakan ulama, dan ada yang tidak dinamakan ulama. Ada perebutan kuasa antara ulama dan bukan ulama.

Perhitungan Anwar tentu tidak setakat itu saja. Ia juga melihat PAS pernah masuk ke dalam Barisan Nasional, dan keluar semula. Kemudian, terlihat rasa kurang hormat dari ahli-ahli dan juga ahli jawatankuasa terhadap pucuk pimpinan. Perpecahan dalam PAS bermula di sini. Pucuk pimpinan pun tidak suka berundur walaupun sudah sampai waktu untuk ia berundur. Rasa-rasanya lebih baik Tunku Abdul Rahman. Tunku berundur apabila dirasakannya masa telah sampai. Datuk Hussain Onn pula jauh lebih sensitif daripada Tunku. Tampak saja perpecahan bermula, ia pun menawarkan diri untuk berundur. Tawaran ini dihalang orang. Kemudian ia nampak sekali lagi. Lalu, atas alasan uzur, ia pun berundur.

Apabila Mahathir mengambil alih kepimpinan, kita lihat pula perhitungan-perhitungan seterusnya.

Perhitungan pertamanya ialah memilih Musa Hitam sebagai Timbalannya. Perhitungan ini adalah jelas sebelum Perhimpunan Agung 1982 berlangsung, Mahathir telah menjelaskan bahawa ia akan memilih Timbalannya tanpa mengira sama ada orang itu menang atau kalah dalam perebutan Timbalan Presiden UMNO. Apabila Musa menang, ia memilih

Musa. Takdirnya Musa kalah, dan Tengku Razaleigh menjadi Timbalan Presiden UMNO, Mahathir akan memilih Musa juga, sebab pemilihan Timbalan Perdana Menteri tidak tertakluk kepada kalah menang perebutan itu.

Memilih Musa sebagai Timbalan Perdana Menteri tidak menimbulkan masalah kerana Musa Timbalan Presiden UMNO. Kalau Musa bukan Timbalan Presiden UMNO, pemilihan itu tentu menimbulkan rungutan. Untuk masa depan, katalah Musa terus menang, maka tiada jugalah masalah besar. Kalau Musa kalah, adakah Mahathir akan terus dengan perhitungannya? Jika ia terus dengan pendirian demikian, kita akan melihat perkembangan yang menarik, kerana kali pertama Timbalan Perdana Menteri dipilih daripada ahli UMNO biasa. Itu memasuki daerah ramalan. Kita berbalik kepada sejarah.

Musa Hitam juga adalah Menteri Dalam Negeri. Persepakatan antara Mahathir dan Musa dalam hal tahanan politik, menghasilkan keputusan membebaskan sejumlah tahanan. Ghazali Shafie telah berpindah ke Kementerian Luar. Ini suatu perhitungan yang bijak.

Agak besar jumlah menteri yang muda-muda. Menurut suatu laporan, Datuk Senu menganggap tindakan Mahathir kontradik dengan slogan **Memandang ke Timur**. Menteri-Menteri Jepun tua-tua belaka, demikian Senu berhujah. Walau bagaimanapun, itu soal kecil.

Memilih Sanusi Junid menjadi menteri pun merupakan perhitungan yang baik bagi Mahathir. Sanusi dengan cepat mengikut jejak Mahathir dalam hal berterus terang. Dialah orang yang paling berterus terang menyokong Musa Hitam dalam perebutan Musa-Razaleigh dulu. Kemudian, apabila Mahathir berkempen melarang orang merokok, Sanusi menimbulkan polemik apabila ia membuat syarat 'tidak merokok' kepada calon-calon peminjam MARA dari kategori tertentu.

Perhitungan Mahathir mengenai pemilihan Anwar Ibrahim pula kira-kira begini. Anwar mungkin pada suatu masa akan masuk PAS ataupun menukarkan ABIM dari pertubuhan non-politik kepada politik. Pengaruh Anwar di kalangan belia Islam kuat sekali. Belia bukan Islam pun menghormati beliau. Itu adalah keistimewaan Anwar.

Mahathir memang bimbang kalau-kalau Anwar berada di dalam partai lain. Ini tidaklah bermakna UMNO akan kalah di tangan Anwar, tapi adalah diakui bahawa pengaruh Anwar besar. Sejumlah anak-anak muda radikal Islam akan menurut Anwar, walaupun Anwar sendiri tidak seradikal yang disangka oleh pengikut-pengikutnya.

Elok benar Anwar dijemput memasuki UMNO. Dan di pihak Anwar pula ada perhitungan. Jika ia memasuki PAS apalah gunanya. PAS ketika itu ada PAS Asri dan ada PAS Hadi Awang. Kalau nak bawa ABIM ke politik (secara rasmi) pun kurang berguna. Kalau hendak berbuat demikian elok dibuat pada zaman sebelum Mahathir. Mahathir adalah seorang pemimpin yang sangat popular, jadi adalah tidak bijak menentangnya. Lainlah jika penentangan itu dibuat oleh partai-partai pembangkang yang bersikap antagonis.

Anwar harus bersama Mahathir. Anwar boleh mengutarakan pandangan-pandangannya untuk pelaksanaan di dalam pentadbiran Mahathir. Mahathir pula boleh menggerhanakan PAS melalui kehadiran Anwar di dalam kerajaan. Itupun kalau PAS menentang melulu. Kalau PAS sanggup bekerjasama, itu lebih baik. Mahathir berusaha menjemput PAS kembali ke pangkuan Barisan Nasional. Namun PAS tiak mau menerimanya. Asri memang mau menerimanya, tapi PAS bukan Asri pada masa itu.

Imej Anwar dalam UMNO kerajaan cepat meningkat. Kemenangannya dalam perebutan Ketua Pemuda adalah bukti nyata. Bukan saja imej Hj. Suhaimi digerhanakannya, malah Musa Hitam sudah dianggap oleh *Dewan Masyarakat* berada di belakang Anwar. *Dewan Masyarakat* terbitan Julai, 1982 meletakkan Anwar di tempat pertama dan Musa di tempat kedua dalam barisan bakal pemimpin Malaysia. Jenis kertas untuk menyiarkan profil Anwar adalah lebih baik daripada halaman-halaman lain, termasuk halaman profil Musa Hitam.

Mahathir melihat Anwar terlalu cepat meningkat. Rentaknya mendahului rentak yang dirancangkannya. Ini mungkin menyalahi perhitungan asal. Dalam perhitungan asal, walaupun Anwar dikehendaki menjadi pemimpin Malaysia, janganlah sampai mendahului Musa. Namun pandangan orang ramai, termasuk pengkritik dan pemerhati politik tidak akan sentiasa dapat diarah. Mahathir masih terus ingin menaikkan kedudukan Anwar. Dari Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Anwar dinaikkan ke pangkat menteri penuh. Dia menjadi Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Dan dalam menaikkan pangkat Anwar ini, Mahathir penuh perhitungan. Orang mungkin bertanya kenapa Mahathir meletakkan Anwar di tempat yang ada tari menari dan lakon-lakonan (termasuk kuda kepang)? Kenapa tidak diserahkan jawatan itu kepada Abdullah Ahmad Badawi yang pernah memangkunya?

Memang jika Abdullah Ahmad Badawi memegang jawatan Menteri Kebudayaan, orang boleh menerimanya tanpa banyak soal. Abdullah memang orang Kementerian Kebudayaan pada masa dulu. Sebahagian daripada pegawai-pegawai di Kementerian itu tahu prestasi Abdullah. Ini tidak pula bererti Abdullah tidak sesuai di jabatan Perdana Menteri. Cuma, jika Mahathir ingin mempercepatkan lagi kebangkitan Anwar, letakkan dia terus di jabatan Perdana Menteri itu, atau beri padanya Kementerian Pelajaran yang memang popular sejak dulu.

Jelas, di samping menaikkan pangkat Anwar, menurut perhitungan Mahathir, rentak kebangkitan Anwar perlu dikurangkan kecepatannya. Orang lain akan lebih hampa jika Anwar terlalu cepat meningkat. Beri dia Kementerian Kebudayaan. Dan, jika Anwar menghendaki setiausaha politik dari ABIM, katakanlah setiausaha ABIM, jangan pula dibenarkan. Memadailah Anwar daripada ABIM, setiausaha politiknya mestilah orang yang sederhana. Kalau boleh, biarlah orangnya kira-kira seperti Megat Junid. Anwar bolehlah memilih orang yang sedemikian, atau kira-kira



**Abdullah Ahmad Badawi (di tengah) ialah seorang pemimpin muda yang sederhana tapi gemilang, selepas Anwar Ibrahim.**

sedemikian. Dan Anwar pun memilih seorang tokoh pendidik, iaitu Dr. Ibrahim Saad, yang sebelum ini kerap bersama-samanya di mana-mana. Ibrahim Saad adalah salah seorang intelektual yang menyokong kuat Anwar pada saat-saat Anwar memutuskan untuk menentang Hj. Suhaimi dulu. Mahathir tentulah menyetujui pemilihan Anwar terhadap Ibrahim. Sebelum ini pun, Ibrahim telah melakukan sesuatu yang amat baik bagi Mahathir sendiri, iaitu menterjemahkan buku '*Malay Dilemma*' yang kontroversial itu.

Perhitungan Mahathir terbayang melalui tindakan-tindakannya. Ada yang cukup baik dan berkesan. Ada yang kontroversial. Memihak kepada Musa Hitam dalam persidangan agung 1983 adalah tindakan setelah ia membuat perhitungan. *Dewan Masyarakat* September, 1983 mengatakan tindakan demikian adalah silap. *Asiaweek* juga memberi perhatian kepada kes tersebut. Kesan sokongan Mahathir terhadap Musa, mengikut *Asiaweek*, 2hb. September, 1983: "*Those who oppose Musa's re-election were angered while many others were disconcerted by the breach of political tradition: UMNO presidents usually refrain from openly backing their favourites or tapping their successors*".

Walau bagaimanapun, *Asiaweek* tidak mengketepikan ucapan akhir Mahathir dalam persidangan itu. Menurutnya: "*so heated the debate on Mahathir's opening speech that he had to mince his own words at the end of the conference. Delegates, said Mahathir, had misunderstood him. He wasn't really endorsing Musa's candidacy or taking sides in the battle between Musa and Razaleigh*".

Mahathir memihak kepada Musa dalam ucapan pembukaan adalah suatu strategi hasil daripada perhitungannya. Silapnya, Musa sendiri tidak dapat memahami sepenuhnya perhitungan itu. Musa telah melahirkan rasa gembira dan keadaan 'tersipu-sipunya' menghadapi sokongan Mahathir itu. Dan Mahathir terpaksa mengatakan Musa keliru atau silap faham.

## PERSIDANGAN AGUNG UMNO KE-34: MAHATHIR DAN SIKAP BERTERUS-TERANG

Seperti yang diketahui umum, dan kerap disebutkan, banyak perubahan berlaku dalam jangka masa dua tahun pentadbiran Mahathir, iaitu sejak 1981 - 1983. Perubahan-perubahan itu diterima baik oleh rakyat. Oleh itu kehadirannya dirasakan perlu untuk suatu jangka waktu yang panjang. Itulah sebabnya kesilapan-kesilapan Mahathir ditimbus begitu saja, walaupun orang boleh mengkritiknya dalam suasana liberal yang diwujudkankannya.

Walau bagaimanapun, kritik-kritik terhadapnya bukan tiada langsung. Pemilihan menteri yang terdiri daripada orang-orang muda itu dianggap oleh seorang ahli politik veteran sebagai suatu percanggahan dengan slogannya 'Memandang ke Timur'. Bukankah menteri-menteri Jepun itu tua-tua belaka?

Dalam buku '**Zaman Mahathir**', saya menyimpulkan konsep 'Memandang ke Timur' itu sebagai suatu protes terhadap Barat. Mahathir mengajak rakyat mengurangkan perhatian kepada Barat yang dianggapnya malas. Orang Timur lebih rajin, katanya.

Pentadbiran Mahathir dalam jangka waktu dua tahun itu berhasil menonjolkan ketokohan Anwar Ibrahim dan Abdullah Ahmad Badawi. Namun tentulah beliau lebih cenderung meninggikan imej Musa Hitam, kerana Musa Hitam adalah Timbalan Perdana Menteri yang dipilihnya sendiri. Sebelum pertandingan hebat 1981, Mahathir telah berkata menang kalah perebutan tersebut tidak menjadi soal. Perdana Menteri boleh memilih calon yang kalah untuk menjadi Timbalannya. Ini membayangkan hasratnya untuk mengambil tokoh pilihannya sendiri, iaitu Datuk Musa, biarpun Datuk Musa ditakdirkan kalah. Seorang penulis politik popolar, yang menulis dengan gaya orang bercakap, iaitu S.H. Alattas, terang-terang menyokong Musa Hitam dalam bukunya **Siapa Selepas Musa**, 1981. Akan tetapi dalam tahun 1983, ketika perhimpunan agung yang ke-34, terpamer pula bukunya '**Tuah Nasib Pemimpin Malaysia**' yang betul-betul menyebelahi Tengku Razaleigh dan menentang Musa. Saya sebutkan tentang buku ini kerana S.H. Alattas mengingatkan Mahathir mengenai apa yang pernah diucapkan dalam tahun 1981 itu, iaitu "yang menang Timbalan Presiden tidak semestinya dipilih untuk jadi Timbalan Perdana Menteri". Seterusnya, sebagai menyokong Tengku Razaleigh dalam perebutan 1984, S.H. Alattas menulis:-

"Tahun 1984 nanti Mahathir kekal jadi Perdana Menteri dan presiden UMNO. Musa jadi Timbalan Perdana Menteri dan Ku Li jadi Timbalan Presiden UMNO (Insya Allah)" Akan tetapi dalam ucapan dasarnya, Presiden UMNO itu semacam mengharapkan Datuk Musa terus menjadi Timbalan Presiden UMNO. Adakah benar Mahathir bersikap demikian? Baca terus tulisan ini, terutama bahagian tiga.

Sebelum terbitnya buku **Tuah Nasib Pemimpin Malaysia**, saya tidak tertarik dengan tulisan-tulisan S.H. Alattas. Dinsman pernah mengulas sebuah bukunya, tapi saya kira Dinsman pun tidak gemar membacanya, oleh itu ia mengulas secara sambil tewa saja. Tampaknya buku terbitan tahun 1983 ini benar-benar memaparkan keberanian seorang penulis. Jika orang tertanyanya, bilakah akan muncul penulis Melayu yang berani berbuat seperti Abdullah Munsi, iaitu mengkritik Sultan habis-habisan, maka S.H. Alattaslah orangnya.

Saya sebenarnya belum memuji S.H. Alattas sebagai tokoh. Dia bukan pejuang yang jelas prinsipnya seperti Kassim Ahmad atau Syed Husin Ali yang bertahan dengan suatu aliran pemikiran dan ideologi. Pujian saya hanya kepada aspek-aspek tertentu dalam buku itu, yang memaparkan semangat berani dan tidak teragak-agak dalam menyatakan pandangan. Jika tidak muncul buku ini, kritikan terhadap Sultan hanya dibuat sekali sekala oleh Tunku Abdul Rahman. Selepas buku itu terbit, dalam perhimpunan agung 1983 itu juga, keluar pula pandangan tentang penentuan puasa dan Hari Raya supaya tidak bergantung kepada Sultan. Jauh sebelum itu, iaitu sebelum menjadi Ketua Pemuda, Anwar hanya berani menyindir kecil-kecilan, iaitu: "tidak ada hukum untuk menentukan tarikh Hari Raya bersandarkan ketupat atau lemang." Ini ditujukan kepada Sultan Perak.

Persoalan-persoalan tentang kehidupan orang Melayu dan rakyat Malaysia seluruhnya, perlu dikemukakan secara jelas dan terus terang sekarang ini. Bertuah kita mempunyai seorang Perdana Menteri yang suka berterus terang, walaupun dalam beberapa hal sikap berterus terang boleh memakan diri. S.H. Alattas menulis secara berterus terang, dan perwakilan UMNO dalam persidangan 1983 juga bersuara secara agak berterus terang. **Kepimpinan Melalui Teladan!!!**

Kita telah sampai pada suatu zaman yang terbuka. Kita harus memilih sikap untuk hidup di dalam suasana keterbukaan ini. Jika salah memilih jalan yang betul, suasana keterbukaan ini akan menyukarkan hidup kita pula.

Menurut Anwar Ibrahim, kita jangan lagi terus menjadi bangsa subsidi. Ada kritik tentang ini, tapi saranan ini harus ditafsir secara cukup jauh. Kita mesti berani, tidak takut kepada apa pun selagi kita berada di jalan benar. UMNO bermula dengan suatu perjuangan nasionalisme yang meletakkan Sultan pada tempatnya kini. UMNO maukan Sultan. Jika kita maukan rumah, kita mau rumah itu menjadi tempat perlindungan, tempat





**Berbual dengan saudara Anwar Ibrahim tentang kebudayaan.**

kita hidup aman tanpa gangguan, bukan tempat kita menghadapi kesulitan. Kita tidak mau bangunan yang bernama rumah itu menimpa kepala kita. Kita hendaklah sampai kepada analisis yang bersifat intelektual, bukan menjadi pak turut kepada suatu peraturan yang samar-samar.

Perhitungan politik seseorang pemimpin berbeza dari pemimpin yang lain. Mahathir mengharapkan kesan positif dari sikap berterus terangya dan menganggap Musa sebagai Timbailannya yang ideal. Akan tetapi ahli-ahli UMNO bukan orang-orang yang sentiasa oolen ditentukan. Yang penting bagi kebanyakan mereka kini, walaupun tidak kesemuanya, ialah Mahathir sebagai Perdana Menteri. Siapakah Perdana Menteri akan datang belum pasti benar. Inilah yang menariknya, dan Dr Mahathir perlu terus liberal untuk memerhatikan peristiwa menarik tahun 1984 dan seterusnya.

Walaupun S.H. Alattas menulis berpunca dari peristiwa dan kesan yang personal, tapi kebenaran dari pandangan-pandangannya boleh dikutip. Kelembutan kita selalunya ialah selalu menganggap sesuatu itu buruk seluruhnya, dan yang satu lagi baik seluruhnya. Selagi kita manusia, baik kita hanya sebahagian saja. Kalau kita dianggap **buruk** pun, **buruk** kita sebahagian juga. Jebat yang dianggap **buruk** kerana menderhaka kepada Sultan Melaka, **baik** juga kerana membela Tuah, pahlawan yang terfitnah. Datuk Maringgih yang **buruk** kerana menyeksa Siti Nurbaya, **baik** juga kerana menentang Belanda dalam suatu pemberontakan. Leftenan Adnan yang **baik** kerana menentang Jepun, **buruk** juga kerana menyokong Inggeris. Sudah lama leftenan Adnan mati, kini muncul pula leftenan-leftenan UMNO. Ucapan dasar Presiden UMNO menyerang keras leftenan-leftenan itu. Tapi jika mereka **buruk** tindakkah ada **baiknya**?

Pada sesi terakhir persidangan agung UMNO ke-34, ahli-ahli yang hadir mendengar keterangan demi keterangan daripada Rais Yatim, Sanusi Junid, Ghazali Shafie, Anwar Ibrahim, Musa Hitam dan Mahathir sendiri. Tentulah orang tertunggu-tunggu akan jawapan Mahathir mengenai sikapnya yang dikatakan menyebelahi Musa itu.

Rais Yatim menyebutkan tentang hukum tanah yang berbeza-beza antara negeri-negeri, Sanusi Junid mengulangi soal kerja kuat-kuat, kerja dan kuat kerja kuat. Ghazali Shafie mengkritik sikap Suruhanjaya Tinggi India yang mempelawa biasiswa kepada rakyat Malaysia keturunan India saja. Anwar Ibrahim pula menyebutkan bahawa makna kebudayaan itu luas, tidak sekadar soal-soal kuda kepang dan seumpamanya. (Dua bulan yang lepas saya telah menyebutkan dalam ruangan ini bahawa Anwar Ibrahim tidak sesuai di Kementerian Kebudayaan).

Anwar Ibrahim memang menghampakan hadirin. Ketika ia bangun, tepukan gemuruh diberikan kepadanya, tapi ia rupanya tidak boleh menjawab apa-apa kecuali memberi definisi kebudayaan itu. Bagaimana pula dengan Musa Hitam?

Musa mengucapkan terima kasih kepada Mahathir yang menyokongnya dalam ucapan dasar tiga hari yang lepas. Kemudian ia menjawab persoalan,

antara lain tentang taraf kadhi yang kononnya hendak dinaikkan ke taraf majistret. Jawapan tentang hal ini tidak memuaskan hadirin. Ia bercerita pula tentang masalah yang dihadapinya, terutama tentang orang mempersendakan isterinya. Suatu suasana emosional diwujudkan, tapi ternyata tidak menerima respons yang baik dari hadirin.

Apabila tiba giliran Mahathir, sesuatu yang tiak diduga oleh Musa ialah Mahathir berkata:

"Saya tidak menyokong Datuk Musa. Datuk Musa silap." Ini menyebabkan dewan riuh oleh sorakan. Sungguhpun Mahathir tidak bertujuan mengketepikan Musa, tapi ternyata Mahathir tidak suka percakapan Musa yang baru berlalu. Mahathir memaksudkan "*team*" sebagai sejumlah orang, bulan ia dengan Musa sahaja. Ertinya, Tengku Razaleigh juga berada di dalam "*team*" itu.

Demikianlah catatan ringkas tentang suasana Perhimpunan Agung UMNO ke-34. Tampaknya, cara Mahathir tidak dapat diduga oleh kebanyakan orang sebelumnya. Selepas persidangan itu, orang kian tahu bahawa presiden UMNO ini memang memilih sikap berterus terang.



**Rais Yatim salah seorang pemimpin muda yang ada future.**

# SIAPA DI HATI PERWAKILAN 1984

## Bahagian I

Kita percaya, atau kita eloklah mempercayai bahawa hubungan peribadi Musa — Razaleigh adalah baik. Pertentangan politik adalah hal lain. Walaupun kita pernah mendengar atau menyaksikan peristiwa yang membuktikan bahawa musuh politik adalah musuh peribadi, tapi kita tidak mendapat bukti yang hubungan peribadi di antara Musa dengan Razaleigh buruk atau renggang. Oleh itu, untuk menyejukkan kotak fikiran yang sentiasa ingin mengisi berita-berita panas, eloklah kita percayai bahawa hubungan peribadi mereka baik, walaupun tidak terlalu baik.

Ketika berucap bagi menjawab beberapa soalan dalam perhimpunan agung 1983, Musa da menyentuh Tengku Razaleigh. Ia bercakap dengan gaya yang memperlihatkan hubungan pribadi yang baik. Lebih kurang begini katanya:

"Li, kalau you ada hasrat nak kahwin, I sokong hasrat you tu. Tapi janganlah you fikir kahwin boleh menghapuskan fitnah. Selagi kita berada di atas ni (maksud berada di barisan pemimpin), orang akan berusaha memburuk-burukkan kita ...."

Yang menarik pada bahagian di atas bukanlah soal Tengku Razaleigh hendak berkahwin atau tentang fitnah, tetapi tentang panggilan 'Li' yang membayangkan hubungan baik. Panggilan 'Li' tanpa menyebut 'Tengku' atau 'Ku' membayangkan keakraban yang sudah meruntuhkan tembok feodal yang telah terlalu lama menghantui masyarakat Melayu.

Di sinilah baiknya Musa, dan barangkali membayangkan cara Mahathir. Seingat saya pandangan progresif tentang persoalan 'tuanku' dan 'patik' pernah diutarakan oleh Ibu Zain dalam suatu seminar linguistik di sebuah hotel di Kuala Lumpur. Ibu Zain bertanya, masih sesuaikah kataganti 'tuanku' dan 'patik' digunakan dalam zaman moden ini. Saya mendengar Haji Hamdan Abdul Rahman dari Kementerian Pelajaran menghuraikan makna 'tuanku' dan 'patik'. Menurut Haji Hamdan, 'tuanku' bermaksud 'tuhanku'. Kata 'patik' bermaksud 'anak anjing'. Demikianlah jarak antara golongan feodal dengan golongan rakyat jelata, antara 'tuhan' dengan anak anjing'.

Dengan memanggil 'Li' saja, Musa telah meruntuhkan tembok feodalis, bukan saja antara dia dengan Tengku Razaleigh, tetapi antara ahli-ahli UMNO yang ada di dalam Dewan Nirwana pada hari itu. Ini berlaku secara simbolis dan psikologis. Tengku Razaleigh pun kelihatan tidak keberatan dengan panggilan demikian.



**Tengku Razaleigh bersama Menteri Besar Selangor. Masa menyebut nama Tengku Razaleigh dengan sebutan 'Li'.**

Apabila Tengku Razaleigh boleh dihubungi oleh semua ahli UMNO tanpa sekatan protokol keistanaan, maka peluang untuk ia menang bertambah-tambah pula. Ini adalah kesan buruk kepada Musa sendiri. Rakyat akan melihat Tengku Razaleigh sebagai pemimpin rakyat, iaitu pemimpin mengenali hati rakyat, dan berada di kalangan rakyat. Selama ini, pemimpin tertinggi (dalam politik) Malaysia hanya Tunku Abdul Rahman daripada istana. Dia saja yang ada 'Tunku'. Kemudiannya Tun Abdul Razak, Datuk (kemudian Tun) Hussein Onn, Datuk Seri Dr Mahathir. Kita telah melihat bagaimana rakyat menghubungi Tunku pada masa lalu. Bagaimana Tunku boleh mengharamkan buku '**Malay Dilemma**' walaupun ia tidak mengetahui isinya. Itu adalah gambaran tindakan cara istana. Oleh itu, rakyat tidak maukan imej istana lagi. Mahathir juga tidak berapa suka jika Tengku Razaleigh mengatasi Musa Hitam.

Akan tetapi Mahathir bukanlah penentu. Penentu yang sebenar ialah Allah, dan dalam sistem kita, penentuan itu berlaku melalui kehendak majoriti perwakilan UMNO. Siapakah yang akan dipilih mereka dalam tahun 1984 nanti?

Oleh kerana politik sentiasa berada di dalam kemungkinan, maka sebenarnya ada kemungkinan lain. Datuk Harun, misalnya, mungkin akan menguji popularitinya. Anwar Ibrahim merasakan dirinya masih baru, demikian juga Abdullah Ahmad Badawi. Lagipun Anwar dan Abdullah kedua-duanya dari utara. Kebiasaannya, kalau presiden UMNO orang utara, timbalannya bukan orang utara. Demikian jugalah kalau presiden orang selatan, timbalannya bukan orang selatan. Orang pantai timur belum menjadi presiden ataupun timbalan presiden.

Soalnya, siapakah yang berada di hati perwakilan 1984 nanti? Jawapannya sama dengan politik itu sendiri, itu berada di dalam kemungkinan.



**Suhaimi Hj. Kamaruddin dalam perjuangan ada masalah. Dalam pertandingan ada masa kalah.**

## Bahagian II

Walaupun bagaimanapun, persoalan Mahathir, Abdullah dan Anwar, ketiganya berasal dari utara bukan persoalan yang boleh menolak sepenuhnya kemungkinan mereka menjadi pemimpin nombor satu dan nombor dua. Untuk masa depan, tidak mustahil jika orang menyebut pentadbiran 2A, iaitu Abdullah dan Anwar, kerana *trend* sekarang telah menampakkan sikap positif Mahathir kepada orang berdua itu. Cuma, ada orang berkata Anwar tidak disenangi oleh sebahagian ahli-ahli UMNO, terutama yang veteran. Hal ini pun sekadar pandangan saja, sebab Hj. Suhaimi yang lebih lama pun tidak disenangi sehingga tidak dapat bertahan di kerusi Ketua Pemuda UMNO.

Rakyat tidak begitu menghiraukan adakah Perdana Menteri dan Timbalannya orang sekampung atau orang dari daerah-daerah yang berbeza jauh. Yang penting bagi rakyat ialah perkhidmatan maksimum yang dicurahkan semasa mereka menjadi ketua kerajaan. Jika mereka (Perdana Menteri dan Timbalannya) berupaya memberi sumbangan yang memuaskan hati rakyat, maka persoalan orang sekampung itu adalah persoalan yang amat kecil. Kita telah mengalami zaman pentadbiran orang bersaudara, iaitu Tun Abdul Razak dan Tun Dr Ismail. Walaupun ada orang mempersoalkan kuasa satu keluarga ke atas negara, tetapi tidak timbul perbincangan hangat tentangnya.

Pemilihan Timbalan Perdana Menteri adalah hak Perdana Menteri. Akan tetapi pemilihan Timbalan Presiden itu hak ahli atau lebih khusus, hak perwakilan UMNO. Betapa pun Presiden menghendaki seseorang itu dipilih, seseorang tidak akan terpilih jika perwakilan tidak berkenan. Dalam hal ini, presiden eloklah mengkaji **mood** keseluruhan ahli UMNO. Beliau akan mendapat gambaran tentang sikap dan pandangan seluruh ahli UMNO jika beliau membuat kajian yang objektif.

Sesiapa pun boleh menjadi Perdana Menteri atau Timbalan, asalkan ia dikehendaki oleh rakyat. Sesiapa pun hendaklah berundur dari tempat dan kedudukan tersebut jika rakyat tidak menghendakinya. Yang demikian itu sudah lama kita fahami, dan selagi kita mengamalkan demokrasi, rakyatlah yang paling penting. Jika rakyat tidak penting, pemimpin saja yang penting, maka sikap kita tidak demokratik lagi. Jika Mahathir menghendaki seseorang berada di tempat tertentu, tapi perwakilan tidak bersetuju, maka Mahathir tidak boleh membuat keputusan sendiri. Mahathir dan orang lain adalah sama dalam hal ini, iaitu sama-sama menerima keputusan.

Sejauh ini, apa yang dipilih oleh Mahathir, diterima oleh ahli-ahli UMNO. Tentulah tidak semuanya menerima dengan lapang dada, malah tentu ada yang membangkang habis-habisan, tapi dilihat dari segi demokrasi, apabila Anwar Ibrahim boleh menang menentang Haji Suhaimi dulu, maka jelaslah bahawa Pemuda UMNO menyetujui pilihan Mahathir. Demikian juga halnya dengan kejayaan Musa Hitam menentang Tengku Razaleigh.



Akan tetapi perjalanan dan pencapaian Anwar Ibrahim sentiasa diperhatikan oleh pengikut-pengikutnya. Dia perlu membuktikan bahawa pemilihan terhadapnya tepat. Sungguhpun dia telah diletakkan oleh Mahathir di tempat yang tidak kena dengannya, iaitu di Kementerian Kebudayaan, dia masih boleh mempertahankan kewibawaannya sebagai ketua bagi pergerakan yang penting itu.

Memang ada yang mengatakan bahawa soal Anwar di Kementerian Kebudayaan tidak menimbulkan masalah, kerana UMNO bukan PAS atau ABIM yang tidak menyenangkan pesta termasuk kuda kepong, tapi sebenarnya masalah tidak seenteng itu. UMNO sekarang tidak sama dengan UMNO yang lepas-lepas. Dalam UMNO sekarang sudah ada suara yang macam suara PAS atau suara ABIM. Ingat saja soal jabat salam antara Mahathir dengan gadis-gadis yang berbaris itu. Jabat salam itu tidak Islamik, kata mereka. Jika hendak bersalam, hendaklah dilapik kain supaya tidak bersentuhan tapak tangan lelaki dengan perempuan. Mahathir menjawab persoalan ini dengan mudah: segala-galanya bergantung pada niat.

Suara yang menentang jabat salam tidak berlapik, dan suara yang menentang kuda kepong terselit di celah kangkang, membuktikan bahawa ahli-ahli UMNO sekarang sudah lebih sensitif berbanding dengan UMNO beberapa tahun yang lalu. Ini soal yang berkait dengan agama saja.

Suara ahli yang tidak senang dengan harga rumah Perdana Menteri dan penggunaan wang untuk pihak yang sedia berada, adalah suara sosialis. Keinginan ahli-ahli untuk melihat pemimpin mereka bersikap dan bergaya *simple* adalah juga keinginan yang bersifat sosialis. Ini bukan peristiwa baru. Jaafar Hassan, bekas Menteri Besar Perlis, adalah orang *simple*. Shaari Jusoh pada penglihatan kebanyakan orang, adalah lebih *simple* lagi. Akan tetapi fahaman mereka bukan sosialisme, bahkan amat jauh dari itu.

Apabila Mahathir memilih Anwar Ibrahim, Rafzi Sheikh Ahmad, Mohd. Isa Samad dan beberapa lagi untuk menjadi Menteri Kabinet, Timbalan Menteri Kabinet dan Menteri Besar, maka kecenderungan ke arah simplisti itu bertambah-tambah lagi. Kita tidak tahu dengan pasti adakah Kassim Ahmad yang betul-betul sosialis (yang disebut oleh Anwar Ibrahim "saudara saya yang berbahagia Kassim Ahmad") itu berada dalam perkiraan Mahathir untuk diletakkan di mana-mana tempat yang sesuai dalam kerajaan. Kassim adalah salah seorang pejuang yang tahan diuji dengan pelbagai masalah.

## FITNAH

Apakah erti 'fitnah'? Semua orang tahu bahawa kata ini berasal daripada bahasa Arab. Islam melarang umatnya membuat fitnah, dan menurut Islam, dosa fitnah adalah besar sekali. Mathir pun ada menyebutkan: dosa fitnah lebih besar daripada dosa membunuh!!

Hang Tuan pernah difitnah orang. Mahsuri juga difitnah orang. Sejauh mana cerita-cerita itu benar bukanlah maksud tulisan ini untuk mempersoalkannya. Yang penting, hampir semua orang Melayu mengetahui kisah Hang Tuah dan Mahsuri difitnahkan orang. Kedua-dua mereka difitnahkan kononnya melakukan zina. Kejadiannya berasingan, tapi kesnya kes zina atau mukah. Hang Tuah dihukum bunuh tetapi diselamatkan. Mahsuri dihukum bunuh dan hukuman itu dijalankan.

Cukupkah istilah 'fitnah' ini ditafsirkan sebagai 'hasut' dan 'umpat'? 'Hasut' atau 'menghasut' bermaksud menyebabkan orang sakit hati dan marah kepada orang lain. 'Umpat' atau 'mengumpat' pula bermaksud memburukkan nama orang. Jadi, fitnah bukan sekadar hasut atau umpat.

Apabila PAS mengatakan nasionalisme tidak baik, itu bukan fitnah, bukan hasut dan bukan umpat. Itu suatu pandangan biasa saja. Kalau orang mahu terima, terimalah. Mereka hanya mahu mencuba membuktikan bahawa Islam menentang nasionalisme. Kalau orang mahu percaya, percayalah. Kalau seorang nasionalis mengatakan sosialisme salah, masih juga boleh dipersoalkan. Prof. Syed Hussain al-Attas berpendapat sosialisme tidak bercanggah dengan Islam. Ia menulis buku "**Islam dan Sosialisme**" dan antara lain ia bertanya: "Bilakah Islam menentang idea-idea yang baik hasil ciptaan manusia?"

Prof. Syed Naguib al-Attas, iaitu adik Prof. Syed Hussain, tidak pernah memberi pandangan demikian. Syed Naguib ini guru Anwar Ibrahim. Anwar pun pernah mengatakan bahawa Islam sudah lengkap, dan tidak wajar dikaitkan dengan sosialisme.

Pandangan-pandangan yang berbeza dalam soal ini adalah perkara biasa. Jika seseorang ingin membuktikan bahawa pandangannya benar, selagi cara yang dikemukakannya tidak mengisi pembohongan, maka tidak ada fitnah di dalamnya.

Itu soal ideologi.

Bagaimana pula dengan soalan rumahtangga pemimpin? Yang sampai ke pengetahuan kita ialah kisah Perdana Menteri beristeri seorang lagi, soal isteri Timbalan Perdana Menteri begitu-begitu dan sebagainya. Soal Tengku Razaleigh sudah lama beristeri pun ada dipercakapkan orang pada awal tahun 1983.

Fitnah bergantung kepada niat. Perdana Menteri pun ada menyebutkan soal niat ini. Kalau niat buruk, maka perbuatan yang tampak **neutral** boleh jadi buruk. Contohnya, orang berjabat salam. Kalau niatnya hendak menggoda, jari tangan akan sempat mencuit walaupun berlapik kain!!!

Maksud kata 'memfitnah', atau '*to libel*' atau '*to slander*' ialah "*to accuse a person falsely so as to spoil his name*". Yang penting dalam hal fitnah ialah *to accuse* atau "menuduh".

Menuduh berbeza daripada mengagak. Oleh kerana Mahathir sudah menjadi Perdana Menteri dan rupanya masih kacak walaupun sudah berumur, maka ada orang mengagak ia beristeri seorang lagi. Tidak ada seorang pun yang boleh mengatakan bahawa hal itu mustahil. Mengagak seseorang itu berkahwin tentu berbeza daripada mengagaknya berzina. Jika tersiar khabar bahawa seseorang itu berzina, padahal perbuatan itu tidak dilakukannya, maka fitnah besar sudah berlaku. Akan tetapi, jika tersebar berita bahawa seorang lelaki berkahwin lagi satu, padahal ia tidak berbuat demikian, maka yang berlaku bukan fitnah, tetapi 'khabar angin'.

Khabar-khabar angin tidak elok disebar. Khabar angin tentang seorang suami berkahwin seorang lagi tentu melukakan hati isteri tercinta. Bagi seseorang tokoh politik, khabar angin begini boleh mengurangkan popularitinya di kalangan kaum wanita yang bersimpati dengan isteri tercinta itu. Kaum wanita memang dalam dilemma mengenai hal ini. Mereka memarahi lelaki yang berkahwin kali kedua, padahal wanitalah yang menyebabkan lelaki berkahwin, sama ada satu, dua, tiga ataupun empat. Kalau tak kerana wanita, lelaki tak akan kahwin walaupun satu!!

Kata Datuk Musa: "Kalau you nak kahwin, Li (Tengku Razaleigh), I sokong. Tapi you jangan fikir apabila dah kahwin, tak ada fitnah."

Ini soal lain. Memang fitnah tak memilih orang berkahwin atau tidak. Cuma, janganlah disalah tafsirkan antara fitnah dengan 'tafsiran'. Seseorang yang memilih cara hidup *simple*, bercakap lepas-lepas (*outspoken*), akan dianggap tidak mempunyai pegangan yang kuat. Itu suatu tafsiran. Orang jenis ini akan memilih cara 'loyar buruk' di mana-mana pun, walaupun dalam kes yang serius. Oleh itu, orang lain boleh menganggapnya sebagai seorang yang tidak pernah serius dan tidak boleh diharap. Jika tersebar berita bahawa orang ini tidak berpendirian kerana terlatahnya itu, maka bukanlah fitnah yang berlaku, tetapi hanya suatu tanggapan.

Dalam buku '**Universiti Kedua**' oleh Kassim Ahmad, ada satu bab yang dinamakan '**Komplot dan Fitnah**'. (Lihat buku tersebut halaman 122). Umum mengetahui bahawa Kassim ditumbuk di dalam tahanan sehingga terpaksa dirawat di hospital. Kenapa dia ditumbuk? Menurut Sanusi Junid (masa itu Timbalan Menteri Dalam Negeri), Kassim ditumbuk kerana pembelaannya terhadap teori Darwin. Kassim menganggap kenyataan Sanusi sebagai fitnah.

Kisah Kassim ditumbuk diceritakan dalam bab yang dinamakan 'Penyelesaian Penumbuk'. Soal kita di sini, kenapakah Kassim menganggap Sanusi membuat fitnah?

Sebagai pembaca, kita dapat membuat kesimpulan bahawa anggapan Kassim itu disebabkan oleh ketiadaan kes perbalahan tentang teori Darwin. Mungkin menurut perkiraan Kassim, apabila Sanusi mengaitkannya dengan teori Darwin, maka orang ramai tidak menyenangnya, sebab rata-rata orang Islam tidak menyetujui teori Darwin.

Sememangnya kadangkala seseorang tidak menyedari yang ia terlibat dalam fitnah. Seseorang mungkin terlepas cakap, dan tidak disedarinya bahawa kesannya ialah tersebarnya fitnah. Pada hakikatnya fitnah bermula dari niat, iaitu niat buruk untuk merosakkan nama orang lain. Dalam politik, kerosakan nama musuh politik adalah menguntungkan. Jadi, jika seseorang membuat kenyataan palsu memburuk-burukkan lawannya dengan tujuan menjatuhkannya, maka cara itu adalah cara fitnah.

Apabila kita fahami makna dan maksud kata fitnah itu, alangkah baiknya jika kita boleh menghindarkan diri dari melakukannya. Pendapat seorang perwakilan 1983, iaitu fitnah adalah perkara biasa, dan tidak perlu dirisau-risaukan, adalah silap. Mahathir telah menjelaskannya, iaitu pembunuhan pun perkara biasa, tapi kita mesti mencari jalan supaya orang tidak membunuh orang lain sewenang-wenangnya. Cuma, setiap dari kita harus sentiasa sedar bahawa kerap kali fitnah itu berlaku secara bersahaja. Menuduh orang membuat fitnah pun mungkin satu fitnah!! Kita hanya boleh menyatakan seseorang itu membuat fitnah jika betul-betul dia membuat fitnah. Kalau dia tidak membuat fitnah, kitalah yang memfitnah sebab kita menuduh dia tak fasal-fasal.

## MASALAH KAFIR MENGKAFIR

Persoalan kafir mengkafir telah pun menjadi klise sekarang. Persoalan ini seharusnya dianggap persoalan besar, tapi sekarang ini bagi kebanyakan orang, tampaknya sudah tidak besar lagi.

Siapakah yang mengkafirkan siapa? Dalam tahun 1983, seorang ahli parlimen dari PAS menafikan bahawa PAS mengkafirkan orang Islam. Ghafar Baba bangun menjawab. Kata Ghafar, benar PAS tidak mengkafirkan orang Islam, tapi PAS mengkafirkan UMNO. Sidang Dewan ketawa gemuruh.

Jelas di sini, di peringkat intelektual dan di peringkat jawatan tinggi soal kafir mengkafir tidak diutarakan secara yang menimbulkan kemarahan. Isu ini dibicarakan sambil senyum atau langsung ketawa. Akan tetapi di peringkat kampung isu kafir mengkafir menimbulkan keadaan tegang yang merungsingkan.

Isi ini kadang-kadang disampaikan secara *ambiguous*. Kata Hadi Awang, "... kita menentang dia (UMNO) kerana dia mengekalkan perlembagaan penjajah, mengekalkan peraturan kafir, mengekalkan peraturan jahiliah". Kata-kata Hadi Awang tidak mengkafirkan UMNO, tapi menganggap UMNO melaksanakan peraturan kafir. Saya katakan kata-kata ini *ambiguous* kerana orang boleh mentafsirkan UMNO kafir sebab hanya orang kafir saja yang melaksanakan peraturan kafir. Hujah ini apabila disambung dari mulut ke mulut, sama ada oleh pendengar atau pembaca biasa, apatah lagi oleh "leftenan-leftenan" PAS yang radikal, akan memperkuatkan tuduhan bahawa UMNO kafir.

Sebenarnya hujah Hadi Awang jika difahami secara objektif tidaklah keterlaluan. Seorang penulis dari Jabatan Perdana Menteri pun pernah memberi pandangan bahawa perlembagaan kita bukan atas kehendak rakyat. Perlembagaan kita, katanya, adalah hadiah daripada British. Mohd Affandi Hassan menyebut hal ini dalam esainya yang bertajuk "*Kedudukan Islam dalam Perlembagaan Malaysia*" (baca *Widya*, Sept. 1983).

Seeloknya isi kafir mengkafir tidak usah ditimbulkan langsung. Orang Melayu sebenarnya memeluk Islam dengan cara yang amat sederhana, penuh kejujuran dan tidak kritis. Sejarah pengislaman kepulauan Melayu mengisahkan peristiwa pengislaman ini. Polemik keagamaan yang timbul dari semasa ke semasa adalah akibat daripada kecenderungan pihak-pihak tertentu memperkecilkan ajaran atau pegangan orang lain. Akibat dari pertentangan demikian adalah buruk sekali. Nuruddin al-Raniri misalnya, mempengaruhi Sultan Iskandar Thani memusnahkan karya-karya Hamzah Fansuri (tokoh tasawuf wujudiyah) yang amat berharga itu. Puncanya ialah

ketidak-setujuan peribadi dan juga soal politik. Kita tahu, pada zaman pemerintahan Iskandar Thani, Nuruddin mendapat kedudukan yang tinggi di Aceh. Demikianlah kita telahpun mempunyai peristiwa buruk dalam hal mengkafirkan orang lain. Kenapa hal ini hendak kita ulangi dalam zaman yang penuh dengan cerdas pandai ini?

## Selising dan Kemumin

Pilihanraya kecil di Selising dan Kemumin memberi makna-makna tertentu kepada UMNO, Berjasa, PAS dan Hamim.

Dengan mendapat jumlah undi 5 734 di Selising, UMNO membuktikan keupayaannya melangsungkan pengaruh di Kelantan. Tidak mudah mendapat undi sebanyak itu pada saat-saat ini, di mana tokoh-tokoh PAS menampakkan kebolehan mereka berkempen. Sebenarnya, PAS pimpinan baru bukanlah calang-calang. UMNO sudah lama sedar, itulah sebabnya pemimpin-pemimpin UMNO tidak menampakkan kegembiraan apabila Asri dijatuhkan dulu.

PAS mendapat undi sebanyak 3 220. Bagi PAS, ini adalah suatu pertambahan, kerana pada tahun 1978 PAS mendapat 2 434 undi sahaja. Jadi PAS maju, kerana undinya bertambah 786.

UMNO pula, dalam tahun 1978 mendapat 4 929. Oleh itu, undi UMNO juga bertambah, dan pertambahannya ialah 805.

Oleh kerana kedua-dua pihak memperolehi pertambahan akibat daripada pertambahan jumlah pengundi, maka UMNO tidak boleh menganggap enteng terhadap PAS. UMNO mesti terus berusaha mengekalkan pretasinya, walaupun tidak dapat meningkatkan imejnya berbanding dengan kedudukan kini.

Dari segi pengaruh, PAS di bawah Yusof Rawa tidak berbeza dengan ketika partai itu di bawah Asri. Ini disebabkan oleh ketinggian imej Nik Aziz Nik Mat dan Abdul Hadi Awang. Pihak PAS boleh berbangga walaupun mereka kalah, kerana menurut Abdul Hadi, dalam pilihanraya kecil seperti di Selising itu, PAS sebenarnya menentang kerajaan. Undi yang dipungut oleh Abdul Rahman Hj. Ahmad, iaitu 3 220 itu, adalah cukup besar bagi sebuah partai, seperti PAS apabila menentang kerajaan.

Hamin memperolehi 161 undi sahaja. Saya pernah menyebutkan sebelum ini bahawa Asri mungkin akan senasib dengan Datuk Onn dengan partai negaranya dulu. Saya juga telah membandingkan partai baru yang bernama Hamim itu dengan partai-partai PEKEMAS dan MARHAEN YANG GAGAL. Dan saya menyoal:

Adakah Asri terpaksa menamatkannya dalam keadaan yang tidak popular sedemikian rupa? (Lihat buku saya *Zaman Mahathir*, hal. 51)

Tampaknya Hamim tidak dapat diselamatkan lagi. *New Strait Times* 10hb. September, 1983, iaitu dua hari selepas keputusan pilihanraya itu

diketahui, Asri mengatakan bahawa kekalahannya adalah biasa saja bagi sesebuah parti baru. Dibandingkannya dengan peristiwa tahun 1955, di mana ia memperolehi 2 000 undi sedangkan Perikatan mendapat 30 000. Tambahnya lagi, kekalahan teruk sedemikian tidak menunjukkan bahawa sesebuah parti akan berkubur.

Nik Aziz Nik Mat yang diminta mengulas pendapat itu mengatakan bahawa pendapat Asri tidak bererti. Sungguhpun Hamim muda, namun pemimpinnya tua. Abdul Hadi Awang dalam *Utusan Malaysia* tarikh yang sama mengatakan bahawa keputusan pilihanraya itu menunjukkan bahawa riwayat Hamim akan tamat.

Berjasa sering dianggap parti yang tidak berfungsi dalam Barisan Nasional. Parti itu dianggap sedang menghadapi masalah survival sejak akhir-akhir parti itu di bawah Datuk Mohd Nasir lagi. Selepas Mohd Nasir meninggalkan jawatan ketua parti, Berjasa kian tidak popular. Akan tetapi, dalam pilihanraya Kemumin, Berjasa menang juga.

Memang perit untuk Berjasa menang. Tengku Razaleigh sendiri pun melihat keadaan goyang di Kemumin. Terdengar pula khabar bahawa orang Barisan Nasional sendiri berkempen supaya pengundi-pengundi tidak memilih Umar Ibrahim calon Berjasa itu.

Kemenangan Berjasa tentulah hasil daripada kempen "orang-orang besar" UMNO. Tidak ada orang besar Berjasa sendiri yang berpengaruh di mana-mana pun. Ibrahim Ali, bekas Ketua Pemuda Berjasa, sudahpun masuk UMNO. Dia berkempen kuat untuk Berjasa dan UMNO, suatu yang aneh tapi tak ada apa-apa. Berjasa parti lamanya, UMNO parti barunya. Dia terpaksa menyayangi kedua-duanya: "janda" dan "isteri baru".

Walaupun Berjasa menang, tetapi pretasi Berjasa tidak meningkat. Tidak muncul ketokohan Berjasa dalam pilihanraya itu. Kemenangannya seolah-olah kemenangan UMNO. Bahkan, ada orang berpendapat, kalau UMNO yang berlawan dengan PAS, jumlah undi yang akan dimenangi melebihi jumlah yang diperolehi Berjasa itu. Berjasa menang dengan majoriti 662 sahaja, suatu kemenangan yang tidak terjamin untuk masa depan.

Telah disebutkan bahawa pilihanraya di dua kawasan ini memberi makna tertentu kepada UMNO, Berjasa, PAS dan Hamim. Bagi UMNO, kemenangan itu memberi makna bahawa kepimpinan yang ada sekarang boleh meneruskan caranya. Imej Tengku Razaleigh sebagai orang kuat UMNO Pantai Timur tidak terjejas. Ini sedikit sebanyak membantunya mengumpulkan sokongan untuk perebutan kerusi Timbalan Presiden UMNO nanti.

Dalam hal ini, keseluruhannya perlu dilihat dari perspektif yang jauh. UMNO dan Berjasa menawan Kelantan pada tahun 1978 adalah hasil dari strategi yang bijaksana. Tengku Razaleigh tentulah orang penting dalam strategi itu, kerana dia orang Kelantan. Tidak mungkin orang seperti Musa Hitam memberikan sumbangan yang bererti di negeri dialek romantis itu.

Selepas kemenangan tahun 1978, pilihanraya umum yang berturutan ialah pilihanraya 1982. PAS merebut sejumlah kerusi, dan ini memberi

makna bahawa kemenangan 1978 itu bukan kemenangan besar, sebab sebahagian kerusi 1978 diambil balik pada tahun 1982. Jadi, Tengku Razaleigh perlu membaiki keadaan ini. Kemenangan di Selising dan Kemumin adalah pembaikan keadaan tersebut.

Untuk Berjasa pula, jika partai itu kalah di Kemumin, maka anggapan negatif terhadapnya akan berlebih-lebihan lagi. Berjasa sering dianggap alat kepada UMNO saja. Akan tetapi, Mahathir mencuba mengikiskan anggapan itu. Walaupun ia boleh menamakan calon UMNO di Kemumin, tapi ia memilih Berjasa supaya Berjasa tidak terasa diperalatkan. Ini adalah suatu kebijaksanaan dalam membuat perhitungan.

Apabila timbul sabotaj daripada pihak UMNO terhadap calon Berjasa (Umar Ibrahim), pucuk pimpinan UMNO tidak akan merestui sabotaj begitu. Pemilihan Umar Ibrahim adalah pemilihan yang sebenarnya, jadi UMNO Kemumin mesti turut merestui pemilihan itu, biarpun mereka merasakan ada calon dari UMNO yang lebih sesuai dan layak. Hakikat adanya penentangan orang UMNO terhadap pemilihan itu tidak dapat dinafikan begitu saja. Walau bagaimanapun, Ketua UMNO Pangkalan Cepa ada menafikan bahawa ia mengedar surat layang meminta pengundi menganalisis memilih Umar. Soal surat layang tidak dapat dibawa ke perbincangan yang objektif, sebab selagi surat itu surat layang, tidak akan ada siapa yang mau mengakui bahawa ia bertanggungjawab.

Jadi, penentangan beberapa orang UMNO atas pemilihan calon dari Berjasa kita anggap soal biasa bagi manusia yang tidak berpuas hati. Tidak perlu kita menuduh sesiapa dalam hal begini.

Yang penting sekarang ialah prestasi masa depan Berjasa sendiri. Dapatkah partai itu menampakkan identitinya secara lebih bermakna? Pemimpin-pemimpin Berjasa kini, yang rata-ratanya tidak sepopuler Mohd Nasir, hendaklah berfikir, membuat perhitungan, seterusnya bertindak untuk kemajuan partai itu dari semasa ke semasa.

PAS berjaya membuktikan bahawa partai itu masih ramai pengikutnya. Turunnya Asri tidak memberi kesan kemerosotan kepada PAS. Sebenarnya, ini adalah ujian kedua bagi PAS pimpinan baru. Ujian pertama telah dilidhadinya di Hulu Muda, Kedah beberapa bulan sebelum ini. Sungguhpun kesemuanya PAS kalah, tetapi tidak sekali-kali membawa makna partai itu akan lumpuh.

Usaha-usaha Asri untuk melumpuhkan PAS era baru adalah sia-sia. Itu telah disuarakan oleh Yusof Rawa dan Abdul Hadi. Tampaknya perhitungan Asri silap.

Perhitungan Asri dikatakan silap kerana ketika ia menubuhkan Hamim, ahli-ahli PAS memang telah menolaknya sebagai pemimpin. Eloklah ia turun dan menjadi penasihat secara langsung atau tak langsung kepada PAS era baru. Lainlah halnya dengan Mohd Nasir yang menubuhkan Berjasa ketika pengikut-pengikutnya ramai. Ertinya, Berjasa ditubuh ketika se-



jumlah besar manusia memang menghendaki Mohd Nasir menjadi pemimpin. Hamid pula ditubuhkan ketika sejumlah besar manusia tidak menghendaki Asri menjadi pemimpin.

Dalam hal begini, ada dua orang yang bijak membuat perhitungan. Pertama, Tunku Abdul Rahman, dan kedua Hussain Onn. Seseorang tokoh politik yang dengan jauh harus dapat memutuskan bilakah masanya ia perlu "uzur". Jika ia gagal memahami keadaan, ia terpaksa pula diuzurkan oleh bekas-bekas penyokongnya beserta dengan "*the late comers*" dalam partainya. Apabila yang begitu telah terjadi, penubuhan partai baru tak berguna lagi.

## NASIONALISME

Semasa berkempen di Selising dan Kemumin, PAS mengemukakan idea bahawa nasionalisme bertentangan dengan Islam. Sebenarnya suara demikian sudahpun kedengaran jauh lebih awal daripada itu. Ketika angkatan baru PAS mula menolak Datuk Asri, label yang dikenakan kepada bekas presiden PAS itu ialah nasionalis, selain daripada label sekularis.

Sejauh manakah nasionalisme bertentangan dengan Islam? Salah satu idea yang sering diperkatakan ketika menghuraikan masalah ini ialah bahawa faham nasionalisme berasal dari barat, atau dicipta oleh pihak barat.

Yang dicipta oleh barat, yang terang-terang kita ikuti, ialah demokrasi ini sendiri. Selanjutnya faham sosialisme yang menjadi darah daging Kassim Ahmad juga adalah berasal dari barat. Tidak dapat kita nafikan besarnya pengaruh barat itu, baik dari segi kebendaan maupun idea. Secara keanak-anakan, tetapi benar, orang mempersoalkan senjata api, pembesar suara, keset, kapal terbang dan banyak lagi yang kini digunakan dengan senang hati oleh orang Islam, tapi semuanya ciptaan barat. Keset dan pembesar suara dihujahkan oleh orang yang berbicara secara keanak-anakan ini kerana kedua-dua ciptaan ini digunakan oleh penentang-penentang segala macam idea barat. Jawapan daripada Prof. Syed Mohd. Naguib ialah, bahawa kita boleh menerima ciptaan-ciptaan bersifat kebendaan, asalkan jelas baik dan berguna. Tapi, dalam hal ideologi, kita mesti hati-hati.

Ketika seorang sasterawan Indonesia menimbulkan soal baik buruk idea tidak perlu dikaitkan dengan agama, Muhammad Uthman El-Muhammady memberi jawapan yang *simple* tapi berisi, seperti jawapan Naguib juga. Orang Indonesia itu berkata, jika sesuatu itu baik, baik juga, sama ada daripada Islam ataupun Kristian. Jika buah limau itu manis, sama ada milik Islam atau Kristian, manis jugalah. Demikian dia membuat perbandingan.

Uthman El-Muhammady menjawab, ideologi bukan limau. Limau itu benda konkrit, ideologi adalah sesuatu yang berkembang dalam fikiran.

Baik daripada Naguib, maupun daripada Uthman, kita temui titik tolak, iaitu benda-benda konkrit, baik ciptaan manusia seperti pembesar suara atau keset, atau yang semula jadi seperti limau, tidak boleh dibandingkan dengan ideologi atau fahaman-fahaman lain. Islam mengatasi ideologi, oleh itu perbandingan dengan sebarang ideologi tidak wajar dibuat secara sewenang-wenangnya.

Cuma, Prof. Syed Hussain al-Attas pula bertanya, bilakah Islam menentang kebaikan walaupun apa bentuk ideologinya. Syed Hussein menyoal demikian ketika mempertahankan sosialisme. (Baca bukunya: *Islam dan Sosialisme*). Ia menyetujui Haji Omar Said Tjokroaminoto yang mengatakan bahawa cita-cita sosialisme di dalam Islam itu memang sedia ada, dan tidak boleh dianggap terbit dari pengaruh barat.

Tujuan persoalan sosialisme ini disentuh agak panjang lebar, bukanlah semata-mata untuk menyebelahi sosialisme sepenuhnya. Tujuannya ialah untuk memperlihatkan bahawa soal-soal pengaruh barat, atau perbandingan dengan barat, sudahpun dibicarakan di peringkat intelektual, dan kita harus menganggapnya persoalan intelektual. Oleh itu, tidaklah bijak jika persoalan ini kita seret ke arah emosi.

Nasionalisme adalah ciptaan pihak barat, kata pihak yang menentang semangat ini. Akan tetapi, pemimpin PAS yang awal, iaitu Dr. Burhanuddin al-Helmy adalah seorang nasionalis. Kebanyakan orang sudah mengenali corak perjuangan tokoh ini, dan Wan Hashim Wan Teh ada merakamkan pandangan-pandangannya dalam buku *Race Relations in Malaysia*. (Baca buku tersebut halaman 52).

Adakah PAS kini menolak idea-idea penting pemimpin-pemimpin lama mereka satu persatu selepas menolak Asri? Jika demikian, lanjutan PAS ialah Hamim, kerana Hamim melanjutkan cara PAS yang asal, manakala PAS yang ada kini adalah partai baru. Subky Latiff ada memberi pendapat bahawa PAS dulu, iaitu PAS di bawah Asri dan di bawah Muhammad Nasir, bukan PAS yang berjalan di atas landasan yang betul. Oleh itu, menurut Subky, pentadbiran yang gagal pada masa-masa lepas itu bukan pentadbiran PAS, tapi pentadbiran Hamim dan Berjasa.

Subky juga menolak demokrasi dalam kempennya untuk pilihanraya Selising dan Kemumin. Ghafar Baba bertanya, adakah PAS akan merampas kuasa secara pemberontakan jika mereka menolak demokrasi? Soal Ghafar lagi, kenapa PAS menyertai pilihanraya kalau PAS tidak menyenangi demokrasi?

Sebenarnya, secara tidak langsung, Abdul Hadi Awang menyenangi demokrasi. Dalam suatu ucapannya (yang sudah dikesetkan), Abdul Hadi antara lain berkata: "Sayangnya Firaun lebih bersifat demokrasi daripada jahiliah moden". Ini ditujukan kepada pentadbiran kini yang dianggap "Jahiliah moden". Anggapan ini dibuat kerana pemimpin-pemimpin kini masih tidak mau menjalankan pemerintahan dengan menerapkan konsep 'hidayah'. Sungguhpun Islam diterapkan dalam pentadbiran kini, menurut Hadi, konsep yang dipegang adalah konsep 'jibayah'.

Nasionalisme adalah suatu faham yang sedia ada dalam masyarakat. Ini adalah suatu semangat untuk persatuan bangsa, dan bangsa itu sendiri dijadikan oleh Allah. Apabila kita mengakui kewujudan bangsa-bangsa, kita tidak dapat menafikan kewujudan fahaman nasionalisme ini. Inilah logika

kebanyakan kita, walaupun logika ini bertentangan dengan pandangan Abdul Ala Al Maududi yang luas dihormati itu.

Cuma, kebangkitan nasionalisme itu lambat dikenali dalam sejarah tanahair kita. Namun kita tidak dapat menafikan sejarah yang menunjukkan kebangkitannya adalah secara yang ditentukan oleh naluri manusia yang sedia ada. Sepertimana manusia menyayangi keluarganya, demikian mereka menyayangi bangsanya. Bangsa, atau masyarakat, adalah perkembangan daripada keluarga itu. Dan keluarga adalah unit terkecil dalam masyarakat.

Sekarang kita sedang membentuk fahaman nasionalisme yang lebih luas. Menurut Shaari Jusoh, nasionalisme yang luas ini lebih sukar diterima oleh masyarakat kita. Nasionalisme kita mestilah nasionalisme sempit, katanya dengan tegas. Itu adalah pengakuannya yang jujur, yang tidak secara langsung melihat masyarakat sebagai suatu bangsa.

Memang sukar membangkitkan semangat nasionalisme yang luar. Semangat bukan sesuatu yang tampak nyata. Semangat berada di dalam diri seseorang, dan dalam hal ini di dalam diri sesuatu bangsa. Semangat melibatkan emosi, oleh itu soal semangat adalah soal psikologi. Seperti mana sukarnya kita membina kebudayaan nasional, demikianlah beratnya tugas kita untuk membangkitkan semangat nasionalisme yang luas, iaitu yang mencukupi apa yang dikatakan bangsa Malaysia.

Negara ini perlu dicintai. Ini dirasakan benar. Akan tetapi fahaman yang satu lagi mengatakan hanya Tuhan yang boleh dicintai. Sebenarnya dua pandangan ini bermula dari premis yang berbeza. Oleh itu perbahasan atas tajuk ini tentu sukar, bahkan mustahil menemui penyelesaian.

Sejarah membuktikan bahawa semangat nasionalisme akan bangun dengan hebatnya apabila sesuatu peristiwa telah mencabar sesuatu bangsa. Penubuhan Malayan Union adalah contoh yang sudah klasik. Di Indonesia, penentangan rakyat terhadap penjajah adalah secara hidup mati, dan keberanian mereka itu adalah hasil dari semangat nasionalisme yang berapi-rapi.

Pada zaman ini kita hidup dalam suasana agak aman. Semangat nasionalisme tidak ketara benar. Semangat itu tampaknya "tidur". Oleh itu apabila PAS mengatakan bahawa semangat nasionalisme tidak wajar, kemarahan orang UMNO tidaklah seberapa. Komen-komen yang timbul hanyalah komen-komen biasa saja. Apabila Persatuan Suluh Budiman, di bawah Prof. Dr. Awang Had Salleh mengadakan konvensyen bertemakan 'Pendidikan dan Nasionalisme' (pada 1hb dan 2hb ogos, 1983), perbincangan-perbincangan tentangnya tidak pun menggegarkan masyarakat. Bahkan, terdahulu daripada itu, apabila Pemuda UMNO mengadakan demonstrasi mengutuk Rusia, kesannya tidak juga mengekalkan suatu kesungguhan menentang kedurjanaan kuasa besar.

Ternyata semangat nasionalisme memerlukan peristiwa. Peristiwa kejayaan Belanda di Indonesia membangkitkan semangat nasionalisme

mereka. Apabila segala-galanya berlalu, semangat itu "tidur" juga. Walau bagaimanapun dengan hujah ini, tidaklah bererti kita perlu menunggu peristiwa pahit untuk menimbulkan semangat nasionalisme. Seperti juga dengan hal-hal berkaitan dengan perasaan hormat menghormati, kasih keluarga, tolong menolong dan sebagainya, perasaan cinta terhadap bangsa dan tanahair juga perlu disemai sejak kecil. Ini soal pendidikan. Dan kita mesti mengekalkan semangat ini untuk tujuan *survival* bangsa dan tanahair kita.

## NASIONALISME DAN INTERNASIONALISME

Apabila Musa Hitam membongkar cita-cita PAS yang berjuang ke arah internasionalisme, jawapan yang bertalu-talu telah diberikan oleh Subky Latiff. Subky juga pernah mengutarakan pandangan bahawa PAS tidak berjuang untuk demokrasi. Dan rata-rata pemimpin PAS berbicara menentang idea nasionalisme yang kata mereka bertentangan dengan Islam.

Nasionalisme dan internasionalisme adalah soal konsep politik. Konsep politik boleh difahami secara yang berbeza oleh orang-orang yang mempunyai sikap dan ideologi yang berbeza. Sungguhpun politik boleh ditingkatkan ke tahap sains atau ilmu, iaitu apabila orang mempelajari *political science* di pusat-pusat pengajian tinggi, tetapi ilmu politik tetap subjektif secara keseluruhannya.

Nasionalisme memang suatu pegangan yang positif, dan kemerdekaan kita dicapai kerana pegangan itu. Nasionalisme di Indonesia telah memperkuatkan semangat patriotik mereka, sehingga Belanda yang terkenal dengan kekerasan penjajahannya itu dapat dikalahkan. Nasionalisme menyebabkan golongan yang terjajah tidak terus hormat kepada pihak yang menjajah. Oleh itu nasionalisme telah memberi sumbangan yang besar kepada kemerdekaan banyak negara yang pernah dijajah.

Bagi kebanyakan pembicara politik, nasionalisme itu berasal dari Barat, atau diajarkan oleh Barat. Kebangkitan semangat nasionalisme di Barat amat ketara dalam Perang Dunia I, iaitu dalam tahun-tahun 1914 - 1918. Selepas peperangan yang menghancurkan kehidupan manusia itu tamat, ada usaha untuk menyatukan bangsa-bangsa. Usaha-usaha ini, seperti juga peristiwa peperangan, adalah diusahakan oleh pendukung-pendukung nasionalisme. Jika di dalam masa perang pendukung-pendukung nasionalisme berjuang habis-habisan untuk memenangkan bangsa masing-masing, usaha perdamaian dilakukan oleh mereka untuk keselamatan bangsa juga.

Soalnya, setiap orang memikirkan bangsa dan negaranya. Peperangan adalah untuk menonjolkan kekuatan bangsa dan negara (bagi bangsa yang kuat), dan perdamaian pula adalah untuk keselamatan dan hidupan tenteram bangsa (terutama bagi bangsa yang lemah).

Sungguhpun bangsa yang kuat turut menerima dan mendokong idea keamanan, tetapi dalam masa yang sama hak-hak asasi bangsa-bangsa yang lemah terus dikesampingkan. Di samping itu, masing-masing kuasa besar itu menyediakan senjata-senjata (alat-alat perang), barangkali untuk "tujuan-tujuan keselamatan". Fitnah antara bangsa-bangsa berterusan, dan Perang Dunia II meletus pula.

Nasionalisme yang kuat di sana sini di seluruh dunia adalah kelangsungan daripada peristiwa-peristiwa besar ini. Kebimbangan antarabangsa berlaku dan tidak dapat dielakkan lagi. Sungguhpun Islam mengajarkan persaudaraan sesama seagama, tetapi nasionalisme mengajar orang mencintai negara melebihi agama. Inilah punca pergaduhan antara negara-negara Islam. Lihatlah sekarang, betapa banyak orang Islam terkorban hasil daripada perjuangan sia-sia menentang sesama Islam.

Barangkali atas dasar inilah PAS menentang nasionalisme. Ini hanya berlaku dalam era baru PAS. Mereka telah memberi label nasionalis kepada bekas pemimpin mereka yang kini telah menjadi presiden Hamim. Di samping label nasionalis, disertakan juga label sekularis. (Dan oleh kerana soal ini juga soal konsep, tidaklah menghairan apabila Abu Bakar Hamzah pula menganggap perlembagaan PAS yang baru masih ada unsur sekular.)

Masalah di Malaysia antara lain ialah masalah perpaduan umat Islam. Sama ada fahaman nasionalisme, sosialisme ataupun internasionalisme, tampaknya soal perpaduan umat tidak mudah selesai. Melihat pada perkembangan di Malaysia, kita akan mengatakan: apalah ertinya pembicaraan tentang konsep-konsep itu. Bukan saja dalam PAS, dalam UMNO pun sudah diketahui umum munculnya leftenan-leftenan mewakili ketua masing-masing.

Pada masa kempen pilihanraya di Selising dan Kemumin, ada pemimpin UMNO yang tidak perlu turut berkempen. Abdullah Ahmad Badawi dan Sanusi Junid adalah di antara yang tidak perlu hadir itu. Apakah ertinya soal nasionalisme dan internasionalisme dalam hal seperti ini?

Perpecahan, seperti yang tergambar dalam kes "dua imam" dan isu "kafir mengkafir", adalah hasil dari usaha-usaha *childish* pihak-pihak yang boleh berbuat apa saja untuk memastikan hasratnya tercapai. ideologi tidak bererti apa-apa lagi apabila nafsu memuncak. Ini bolehlah dibandingkan dengan peristiwa seorang lelaki dan seorang perempuan (bukan suami isteri) yang mengetepikan semua prinsip ketika menunaikan runtunan nafsu di kamar dingin atau di dalam rimbunan daun-daun lalang.

Tidak dapat dipastikan adakah Datuk Musa bersandar kepada sesuatu idea yang kukuh apabila beliau membongkar cita-cita internasionalisme PAS. Kita tahu Datuk Musa mempunyai pengetahuan Sains Politik yang agak luas, tetapi seperti yang disebutkan awal-awal tadi, Sains Politik masih subjektif, seperti juga kritikan sastera dan seumpamanya. Subjektivitinya amat ketara dalam hal penggunaan dan penilaian terhadap sesuatu konsep termasuklah istilahnya. Sebagai contoh, apabila Amaluddin Darus mengatakan negara ini sedang menuju ke corak pemerintahan sosialis demokratik, apakah erti sosialis demokratik itu dalam suasana pengawasaan seperti sekarang?

Abul Ala Al Maududi yang terkenal dengan buku *Towards Understanding Islamnya*, ada juga menulis tentang internasionalisme. Beliau menyokong gagasan internasionalisme kerana menurutnya idea ini

menyebabkan sikap permusuhan antara Islam seluruh dunia tidak akan wujud. Beliau mengambil contoh dari sejarah, iaitu pengembaraan Ibnu Bathutah (Bathuthah) selama 27 tahun yang tidak memerlukan paspot dan visa. Di India, Ibnu Bathuthah sempat menjawat pangkat hakim, tanpa prasangka bahawa ia orang luar. Ini adalah contoh semangat internasionalisme yang jelas, kerana orang Islam dianggap bersaudara di mana-mana jua.

Adakah konsep seperti ini yang ditentang oleh Datuk Musa? Ini kita kurang pasti. Mungkin beliau hanya bermaksud untuk mencegah persatuan antara PAS dengan badan politik Islam di luar Malaysia. Barangkali. Dan kemudiannya memang timbul berita hangat tentang kehadiran tokoh-tokoh PAS dalam suatu seminar luar negeri, dan idea-idea dari seminar itu dibawa pulang ke Malaysia.

Subky Latiff membawa tafsiran sinis terhadap pandangan Musa. Katanya, PAS telah menerima pengiktirafan bahawa partai ini tidak perkauman. Dulu PAS dianggap perkauman. Jadi, menurut Subky, ini adalah baik bagi PAS, kerana bukan mudah untuk mendapat pengiktirafan serupa itu daripada seorang pemimpin besar Barisan Nasional.

Secara idealnya, internasionalisme boleh mewujudkan negara dunia (*world state*). Apakah *world state* itu? Rusia dan Amerika turut bersatu? Dari logika Abul Ala Al Maududi, *world state* boleh wujud jika tidak ada petualang yang bersiap sedia untuk melaga-lagakan antara bangsa-bangsa.

Oleh kerana gambaran idea Maududi itu betul-betul ideal, eloklah kita kecilkan kepada intenasionalisme dalam Islam saja. Tidaklah dapat dinafikan bahawa dalam ajaran Islam, konsep internasionalisme itu jelas. Pesanan Allah dalam Al-Quran, iaitu surah Ali 'Imram: 103, membawa maksud demikian. Allah berfirman yang bermaksud: "Berpegang teguhlah kamu dengan agama Allah, janganlah kamu berpecah belah". Allah berpesan kepada seluruh umat Islam, bukan untuk sesuatu negara. Oleh itu semangat persatuan dalam Islam adalah persatuan sedunia. Ini menepati konsep internasionalisme.

Berbalik kepada suasana umat Islam di Malaysia. Jika sesama senegeri pun asyik berpecah belah, bagaimana kita hendak memperjuangkan persatuan sedunia? Ini adalah pertembungan hebat antara teori dengan praktik. Kita percaya bahawa Abdul Hadi Awang berusaha gigih untuk mewujudkan negara Islam, tapi adakah acara perjuangannya itu bertepatan dengan keadaan kehidupan rakyat Malaysia? Adakah tepat gambaran yang diberinya bahawa jin zaman sekarang kepala di Kuala Lumpur kaki di Terengganu? Yang hendak saya katakan di sini ialah bahawa seluruh tindakan politik yang diamalkan di sana sini sentiasa menimbulkan tafsiran yang berbagai-bagai. Kita terpaksa berusaha memadamkan tafsiran yang kita tidak suka, dan memberikan tafsiran yang kita kira benar. Jadi, masa akan habis di peringkat itu tanpa mempunyai kesempatan untuk melangkah ke peringkat internasional. Inilah realiti walaupun Hadi Awang tidak menyenangnya dan Subky Latiff terus sinis.



## ISU PERLEMBAGAAN: MONARKI DAN DEMOKRASI DI MALAYSIA

Setelah mencapai kemerdekaan, dengan perlembagaan yang sudah tersedia, sistem monarki Malaysia tidak dibahaskan. Ini berlangsung sehingga ke suatu masa yang panjang. Dalam perlembagaan, tercatat dengan jelas bahawa kedudukan Raja-raja Melayu tidak boleh dipertikaikan. Raja-raja juga ditempatkan mengatasi undang-undang, oleh itu tidak boleh didakwa.

Malaysia dengan mengamalkan sistem demokrasi, dan ini diamalkan bersekali dengan sistem monarki. Sistem monarki, sebenarnya turut memberi sumbangan besar mencirikan tingkat-tingkat sosial di Malaysia. Dari segi penggubalan undang-undang, walaupun Parlimen yang menggubalnya, tetapi rang undang-undang itu menghendaki pengesahan daripada Yang Dipertuan Agong, barulah menjadi undang-undang yang sah. Jika tidak, rang undang-undang itu terbengkalai begitu saja. Apabila berlaku keadaan kucar-kacir dalam negara, pengistiharan darurat adalah di tangan Yang Dipertuan Agong juga.

Rakyat menerima raja-raja sebagai ketua agama di negeri masing-masing. Dengan kedudukan itu, rakyat tidak mempertikaikannya, kerana urusan kehidupan mereka di dalam negara adalah berkaitan dengan orang-orang politik dan pentadbir-pentadbir sahaja. Oleh itu untuk sekian lama raja-raja terasing dari pergolakan dalam negara, baik dalam hal politik, maupun ekonomi. Hanya peringkat tertinggi dalam pemerintahan yang memahami betul-betul bahawa dalam sistem demokrasi-monarki, raja-raja tidaklah tertakluk kepada syarat untuk terus berdiam diri, tau mengasing diri daripada pergolakan dalam negeri masing-masing.

Beberapa pergolakan telah berlaku, yang melibatkan orang politik dengan orang istana. Osman Saat di Johor, yang kehilangan pingat-pingat pemberian raja yang terdahulu diambil balik oleh raja yang terkemudian, adalah bukti bahawa raja tidak tertakluk kepada syarat untuk terus berdiam diri. Selain daripada itu, beberapa peristiwa di Pahang dan di Perak juga membuktikan hakikat raja-raja boleh bertindak sesuatu untuk mengubah keputusan politik atau pentadbiran.

Sistem monarki disentuh oleh Tunku Abdul Rahman dalam ruangan "*As I See It*" (*Star*), secara mengaitkannya dengan adat Melayu. Antara lain, Tunku mengkritik kalangan orang Melayu yang sudah tidak menghiraukan



**Perhimpunan menyokong Mahathir menghadapi isu perlembagaan. Rakyat menghendaki Demokrasi Tulen.**

lagi bahawa ada perhubungan formal antara rakyat dengan orang istana. Kata ganti diri, iaitu "patik" sudah tidak digunakan lagi oleh anak-anak muda moden apabila bercakap dengan orang istana. Tunku risau tentang hal-hal seperti itu.

Kerisauan Tunku terhadap hal remah-temeh itu tentu disebabkan oleh perkaitan antara perkara yang dibicarakannya itu dengan dirinya sebagai orang dari istana. Seingat kita, surat terbuka Mahathir kepadanya dalam tahun 1969 dulu masih menggunakan kata ganti "patik". Kritiknya itu ditujukan kepada perkembangan yang lebih baru. Sikap baru adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan di mana-mana. Raja-raja sendiri pun telah lama menggunakan kata ganti "saya", tidak lagi "beta". Dan, untuk melihat jauh daripada itu, orang-orang yang nama mereka bermula dengan "Syed" pun ada yang mengeneipikan "Syed" atau "Syarifah" untuk nama anak-anak mereka. Bukanlah ada hubungan erat antara "Syed" dengan raja, tapi sikap masyarakat Melayu lama memang memuliakan golongan "Syed", sehingga kebanyakannya berpatik-patik dengan Syed-Syed ini. Sikap feodalis melulu ini mewujudkan jurang atau *gap* yang tidak wajar di dalam masyarakat. Syed Husin Ali yang rendah hati dan sedar tentang ini tidak lagi melangsungkan tradisi bersyed-syed apabila menamakan anak-anaknya.

Datuk Musa Hitam dalam ucapan akhir persidangan agung UMNO 1983, menunjukan kata-katanya kepada Tengku Razaleigh dengan menyebutkannya 'Li' sahaja. Dengan itu Datuk Musa telah membina sikap sederhana dan rasional di kalangan hadirin UMNO yang bijak-bijak, supaya sikap feodalis jangan terus menguasai fikiran, sehingga manusia di bumi Allah ini terus dibeza-bezakan mengikut keturunan.

Khabar yang '*highlight*'kan oleh *Newsweek* tahun 1983, mengenai Malaysia, ialah usaha Mahathir dan parlimen untuk mengurangkan kuasa raja. Ini tertulis dengan jelas dalam keluaran-keluaran 19 Ogos, dan 23 September. Akhbar-akhbar Malaysia tidak menyiarkan persoalan ini, atas sebab-sebab yang disebut sendiri oleh Mahathir:

**Kerajaan sengaja tidak mahu menyiarkan dalam media tempatan kerana kedudukan keistimewaan raja itu sendiri. Berita Harian, 12/10/83**

Ini adalah jawapan bagi soalan yang disuarakan oleh Lim Kit Siang di Parlimen, *Asiaweek* 19 Ogos, 1983, di bawah tajuk *Trimming the Powers of Royalty*, menyebutkan dua hal yang diputuskan untuk dipinda oleh Parlimen. Pertama, *emergency declaring*. Yang kedua, *bill*. Idea baru era Mahathir menghendaki pengistiharan darurat tidak lagi di tangan Sultan, tetapi di tangan Perdana Menteri. Dan dalam hal rang undang-undang pula, *Asiaweek* mencatatkan, adalah dikehendaki oleh kepimpinan baru agar "..... *a bill passed by Parliament becomes law after 15 days even if the king refused assent* ....."

Di Parlimen ketika 'Menjawab soalan Hassan Haji Mohamad (Hamin-Rantau Panjang), Perdana Menteri berkata pihaknya tidak mahu bertindak terhadap majalah luar negeri kerana mereka, sejak tahun 1963 menyatakan "Malaysia menghadapi krisis perlembagaan." (BH, ibid)

*Asiaweek* menduga, sama ada Sultan Johor atau Perak yang akan menjadi Yang Dipertuan Agong akan datang. Kedua-dua Sultan ini dikatakan *outspoken* dan *have a tendency for independent action*. Untuk lebih jelas lagi, *Asiaweek* membuat kesimpulan, bahawa Mahathir hendak mengurangkan kuasa Yang Dipertuan Agong kerana jika Yang Dipertuan Agong bertindak mengikut pertimbangan sendiri, maka usaha-usaha Mahathir (dalam hal-hal tertentu) mungkin tergendala.

Perbincangan tentang hal ini berlangsung di keluaran 23 September. Antara lain, diduga oleh majalah ini bahawa Yang Dipertuan Agong tidak akan menandatangani dokumen berkenaan. Maksudnya, Yang Dipertuan Agong tidak akan menyetujui usulan agar sesuatu rang undang-undang akan menjadi undang-undang dengan sendirinya selepas 15 hari diluluskan oleh Parlimen. Sekali lagi Tunku memberi pandangan, dan pandangan ini tidaklah berat, cuma agak *cynical*: "*This time when they amended the constitution they never gave enough notice, did not give people enough time to consider the implications of the amendment*". Tunku membandingkan perkembangan ini dengan sikapnya dulu, iaitu menurutnya semasa membentuk perlembagaan, semua pihak ditanyakan pandangan. Sekali lagi, komen Tunku ini walaupun tidak berat, berbau perkaitan dirinya dengan istana.

Sistem monarki adalah suatu hal. Sikap feudal pula hal lain. Sungguhpun ada kaitan antara keduanya, iaitu sistem monarki menimbulkan sikap feudal, atau sikap bertuan secara berlebihan, tetapi sikap feudal sudah lama dikritik secara terbuka di negara ini. Feudalisme sebenarnya berhubung dengan pemilikan tanah, yang mana tuan punya tanah itu memperolehi kuasa yang amat besar, dan orang yang berusaha di atas tanah itu adalah berkhidmat kepadanya. Itu adalah makna asalnya, tetapi sekarang, makna feudal itu berubah, dan apabila orang membicarakan zaman kesultanan Melaka, orang cenderung menyebut sistem feudal, atau feudalisme, apabila kuasa Sultan diperkatakan.

Dalam makna yang tertentu inilah soal sistem monarki kita bezakan daripada sikap feudal. Sistem monarki atau monarkisme (*monarchism*) ialah sistem pemerintahan yang diketuai oleh raja. Perkembangan dan perubahan-perubahan di seluruh dunia menyebabkan sejumlah kecil saja negara-negara di dunia ini yang mempunyai raja. Walaupun begitu, kenyataan ini tidak pula membuktikan sistem monarki hanya untuk negara-negara mundur. Beberapa negara maju turut mempertahankan sistem ini.

Oleh kerana di dalam negara kita pada hakikatnya ada dua sistem, iaitu demokrasi dan monarki, maka tidaklah mengherankan apabila kita mendengar timbulnya konflik. Usaha pentadbiran baru mengurangkan

kuasa Sultan, dalam apa hal pun tidak disenangi oleh pihak istana. Hakikat demokrasi pula mengatakan bahawa Parlimenlah yang menjadi penggubal undang-undang, dan kemudian menentukan bahawa undang-undang yang digubal itu dijalankan. Sultan tidak membuat undang-undang dalam negara kita kini, dan haknya ialah mengesahkan undang-undang yang digubal di Parlimen. Konflik terjadi apabila Sultan tidak mau mengesahkan undang-undang yang digubal di Parlimen, padahal rakyat telah memberi mandat kepada Parlimen menjalankan tugas-tugas bagi pihak seluruh rakyat.

Dalam keadaan konflik yang berbangkit ini, Musa Hitam membongkar rahsia sekumpulan rakyat yang hendak menggulingkan Sultan. Menurut Musa, golongan yang kecil ini hendak menubuhkan Republik Islam. Walaupun kecil, golongan ini terdiri daripada kategori intelektual, bahkan bekas pegawai tentera pun ada. (**Berita Harian** dan akhbar-akhbar lain, 3 Oktober, 1983).

Musa yang bercakap dalam majlis Malam Mesra Pemuda dan Wanita UMNO Negeri Sembilan, antara lain menyebutkan soal pengaruh sebuah Republik Islam ke atas orang-orang ini. Dia juga memberitahu bahawa 30 orang rakyat Malaysia menghadiri seminar di Dakha, Bangladesh (anjuran republik berkenaan) pada 26 - 30 Julai, 1983. Disebutnya juga bahawa tokoh-tokoh republik itu pernah memberi fatwa bahawa pemerintahan beramir' tidak dibenarkan oleh Islam. Pemerintahan beramir, atau bersultan ialah pemerintahan dalam sistem monarki. Dalam ucapan itu, Musa mempertahankan sistem monarki, terutama untuk perpaduan orang Melayu. Kira-kira sebulan kemudian, Musa mengatakan golongan yang hendak menubuhkan republik Islam ini tidak kecil seperti yang dijangka sebelumnya.

Soal menggulingkan Sultan-sultan, atau mengubah corak pemerintahan Malaysia dari monarkisme ke republik, adalah soal besar. Itu soal revolusi. Itu tidak direncanakan oleh pentadbiran baru betapa radikal pun Mahathir. Akan tetapi, peristiwa yang dibongkar oleh Musa membuktikan hakikat bahawa soal raja-raja telah diperbincangkan dengan kritis sekali oleh pelbagai pihak.

Sekarang, kuasa Sultan dalam negara kita berada di peringkat perhitungan, seperti mana soal-soal lain juga. Inilah suatu ciri lain zaman Mahathir, yang sebenarnya ciri yang amat penting walaupun tidak terpenting. Sultan-sultan sendiri sedang membuat perhitungan pula, perhitungan yang sentiasa rahsia kepada rakyat, kerana persidangan raja-raja adalah hak raja-raja sahaja.

## ISU PERLEMBAGAAN DAN "JEBAT"

Lim Kit Siang paling awal mengistiharkan wujudnya krisis perlembagaan. Mahathir pada peringkat awalnya tidak menganggap perkembangan ketika itu sebagai suatu krisis. Perdana Menteri yakin bahawa masalah pindaan perlembagaan akan diselesaikan dengan mudah. Akhbar diharapkan tidak menyiarkan peristiwa pergolakan yang berkait dengan pindaan perlembagaan.

Majalah luar telah menyiarkan persoalan yang timbul dengan tafsiran yang bebas. Mahathir tidak bercadang memberhentikan pagedaran majalah luar itu. Oleh itu, tidak kecil jumlah orang yang tahu tentang masalah yang timbul, walaupun jumlah itu tidak terlalu besar. Majalah tempatan tidak menganggap kerajaan telah menghalang penyiaran masalah ini. Editor dan pemilik majalah *Diages Malaysia*, Azran Rahman, menyatakan bahawa keberatannya menyiarkan isu tersebut adalah disebabkan oleh agakan beliau bahawa implikasinya tidak positif. Mahathir atau pihak kerajaan, tidak melarang sesebuah majalah memperkatakan persoalan ini.

Demikian juga halnya dengan persoalan surat Melayu bergantung kepada orang Melayu sendiri.

Beberapa kalangan berpendapat, Mahathir dan kerajaan telah "mencari penyakit" dan kini "sedang menerima akibatnya". Pandangan lain pula mengatakan bahawa ini adalah tanda kedua Mahathir akan jatuh. Tanda pertama, kata mereka, ialah apabila Kamarul Ariffin membuat cadangan untuk ke Mahkamah. Kamarul tidak menerima cemuhan Mahathir terhadapnya berkaitan dengan kes besar BMF.

Akan tetapi, benarkan Mahathir akan jatuh? Benarkah Mahathir sedang sakit setelah mencari penyakit?

Kekuatan UMNO, dan sokongan hampir penuh oleh ahli-ahli UMNO terhadap tindakan-tindakan Mahathir, tidak menunjukkan Mahathir akan jatuh. Ini peringkat perhitungan yang paling hebat dalam era Mahathir. Ia tidak akan jatuh hasil daripada gangguan-gangguan luar UMNO. Memanglah Allah yang berkuasa menaikkan dan menjatuhkan seseorang pemimpin, tapi mengikut perkiraan sekarang, UMNO sedang memaparkan kewibawaannya yang sudah diperolehi sejak awal.

Peristiwa-peristiwa ini adalah dugaan untuk UMNO. Tanpa peristiwa-peristiwa ini kekuatan UMNO hanya terlihat pada jumlah ahli dan

seterusnya jumlah kerusi yang diperolehinya. Kini kekuatan UMNO dapat ditinjau melalui semangat kesatuannya, dan melalui kesungguhannya menghadapi isu sensitif seperti isu perlembagaan ini.

UMNO tidak hanya membuktikan bahawa ia boleh menjadi Tuah, tapi juga boleh menjadi Jebat. Sebenarnya, apabila orang mentafsirkan historiografi tradisional kita khusus tentang peristiwa perkelahian Tuah dengan Jebat, orang terlupa bahawa Jebat juga Melayu. Orang berfikir bahawa jiwa Melayu ialah jiwa Tuah yang taat melulu.

Jebat telah agak lama menjelma dalam diri Kassim Ahmad, tapi Jebat tahun-tahun enam puluhan dan tujuh puluhan itu terlalu percaya kepada perubahan sikap orang-orang Tuah secara mendadak. Jadi Kassim adalah Jebat yang membuat perhitungan secara lama. Sekarang Jebat menjelma pula dalam diri Anwar Ibrahim, dan Jebat ini Jebat dengan perhitungan baru. Kebetulan Bendahara Paduka Raja (Mahathir) pun kian mahir dalam perhitungan. Ia telah menyembunyikan Tuah di hulu negeri, tapi bukan untuk dipersembahkan kembali kepada tuannya. Tuah (barangkali Senu) disembunyikan di hulu negeri kerana tidak perlu lagi muncul di tengah-tengah negara kota. Maka Tuah pun memendam rasa, jadi tidak heranlah jika diutusnya surat sedemikian cara.

## REPUBLIK ISLAM

Pada saat-saat Yang diPertuan Agong beristirehat (sebab-sebab kesihatan), timbul mendadak khabar bahawa ada pihak hendak menggulingkan raja-raja. Menurut Datuk Musa, pihak itu terpengaruh dengan pandangan luar Malaysia. Mereka mengatakan pemerintahan beramir (atau bersultan) tidak cocok dengan Islam. Kesimpulan Datuk Musa, golongan yang hendak menamatkan kesultanan Melayu Malaysia kini adalah pejuang-pejuang Islam, bukan hanya komunis.

Berita ini amat menarik, walaupun bukanlah berita yang terlalu mengejutkan. Dikatakan menarik kerana persoalan kedudukan raja-raja dikaitkan dengan Islam. Pada pandangan orang Melayu lama, seperti yang tertulis dalam **Sejarah Melayu**, Sultan adalah bayang-bayang Tuhan. Pandangan ini tidak berterusan sampai sekarang, tapi perlembagaan telah meletakkan sultan atau raja di tempat yang selamat daripada kritikan. Menurut perlembagaan kita, kedudukan raja-raja tidak boleh disentuh atau dipersoalkan. Kalau disentuh atau dipersoalkan pun sudah salah, apatah lagi hendak dijatuhkan. Tentulah dari pandangan konvensional kerajaan, usaha pihak yang disebutkan itu bersalahan besar dengan amalan negara kita. Menurut Datuk Musa, sistem kita, selain daripada demokrasi berparlimen, ialah monarki. Cita-cita ke arah republik Islam adalah bertentangan dengan sistem monarki ini. Menurut Datuk Musa lagi, cita-cita dan usaha ke arah itu akan menggugat persatuan orang Melayu. Lagi sekali soal pecah belah disebutkan.

Datuk Asri daripada Hamim menggunakan kesempatan ini untuk terus membongkar corak baru PAS. Datuk Asri mengaitkannya dengan revolusi Iran. Jelaslah bahawa Datuk Musa dan Datuk Asri sama-sama menghalakan kritik dan kecaman terhadap PAS. Demikianlah suatu peristiwa yang tidak begitu diduga sebelumnya, tetapi tidak pula memeranjatkan, berlaku pada suku akhir tahun 1983.

Tentu ada pihak yang takut dengan kemunculan berita baru ini, seperti mana anak-anak gadis takut kepada hantu kom-kom yang 'muncul' di akhbar-akhbar pada masa yang kira-kira sama. Dan, sesuatu peristiwa amuk, sekali lagi berlaku di Johor, dengan jumlah kematian tiga orang, serta beberapa orang cedera. "Wali Allah" pun muncul di Johor pada masa ini juga, dan minatnya ialah membogelkan perempuan.

Seperti yang telah disebutkan, perjuangan untuk mengekalkan kedudukan raja-raja seperti yang ada kini adalah perjuangan UMNO. UMNO memperjuangkan orang Melayu. Di dalam Perikatan, kemudian di dalam Barisan Nasional, UMNO memperjuangkan keseluruhan rakyat



Malaysia. Suatu corak perjuangan yang diterima oleh semua pihak telah ditunjukkan oleh UMNO, walaupun pada dasarnya UMNO tidak mempunyai ideologi. Sampai ke zaman Mahathir pun, UMNO tidak menunjukkan munculnya suatu ideologi.

Walaupun Amaluddin Darus berani menyebutkan bahawa kerajaan kini sedang menuju ke arah Sosialis demokratik (suatu istilah yang Amaluddin sendiri tampaknya belum memahaminya betul-betul).

Perswastaan, seperti yang mulai diamalkan kini, menjauhkan kerajaan daripada ideologi sosialisme. Itulah sebabnya Kassim Ahmad sosialisme dan tidak bersetuju dengan slogan Memandang ke Timur, walaupun beliau senang dengan Musa dan Mahathir. Menurut Kassim, beliau tidak percaya yang Musa dan Mahathir akan berlaku kejam kepada rakyat. Jadi, jika orang sosialis sendiri dapat melihat bahawa Malaysia tidak menuju ke arah sosialisme, tentulah menasabah apabila Amaluddin yang sudah lama meninggalkan PAS tidak dapat membuat analisis yang tepat mengenai arah corak pentadbiran di Malaysia.

Pada 10hb. Oktober, 1983, Mahathir memberi amaran bahawa parti pembangkang akan terperanjat besar jika mereka terus berusaha ke arah republik Islam. Ia mengakui mungkin parti berkenaan, maksudnya PAS, tidak terlibat secara rasmi, tapi mereka tidak dapat menafikan bahawa ahli-ahli mereka terlibat menghadiri persidangan yang membicarakan hal itu. Perbelanjaan untuk ke persidangan itu ditanggung oleh republik Islam yang menganjurkannya.

Ternyata sekarang Mahathir perlu lebih bersungguh-sungguh membuat perhitungan. Pada masa-masa silam, Perdana Menteri tidak menghadapi masalah ini. Hussein Onn dulu tiba-tiba mendapati ada beberapa tokoh UMNO yang menyokong ideologi komunis. Mereka itu ditangkap. Kini, Mahathir tidak berhadapan dengan orang-orang jenis itu, sebaliknya ada pejuang-pejuang republik Islam pula. Mujurlah bukan terdiri daripada orang-orang UMNO seperti yang dihadapi oleh pentadbiran Hussein Onn.

Tunku telah bersuara sebelumnya: Jangan jadikan negara ini negara Islam. Kekalkan taraf negara ini sebagai *secular state*. Penerapan Islam teruskanlah, dan Tunku pun memberi sumbangan apabila ia bergerak aktif di dalam PERKIM.

Apakah perhitungan rakyat keseluruhannya? Tentulah berbagai-bagai pandangan akan timbul berkaitan dengan persoalan ini. Agak aneh, semua ini timbul pada zaman pentadbiran Mahathir. Ini adalah sesuatu yang ironis. Pada masa Mahathir mengingini penerapan Islam secara sungguh-sungguh dalam pentadbiran, istilah *secular state* itu timbul dengan jelas untuk menamakan corak pemerintahan negara ini. Memanglah negara ini bukan *theological state*, tetapi kenapa persoalan ini tidak timbul semasa sebelum Mahathir? Barangkali, salah satu jawapannya ialah semasa Mahathir belum mengambil tempat nombor satu, Hadi Awang juga belum

mempunyai suara seperti kini. Maklumlah, masa itu masa Asri, seorang tokoh yang kini dikira nasionalis dan juga sekularis.

Jadi PAS kini ialah PAS wajah baru yang bukan hanya memandang rendah kepada cara dan corak UMNO, tetapi memandang rendah juga kepada cara dan corak PAS lama.

Pada malam Ijtimah Ulama Semalaysia Ke-2, iaitu pada 6hb. November, 1983, Datuk Musa yang merasmikannya berkata (antara lain): "..... jumlah mereka yang terbabit bukanlah kecil seperti yang disangkakan sebelum ini;;.

### **SURAT SENU KEPADA MAHATHIR.**

Surat Senu tidak mempunyai makna baru untuk era ini. Setelah surat itu tersebar, kebanyakan cawangan dan bahagian UMNO menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap Senu sendiri, bukan terhadap Mahathir. Pemuda aktif Partai Rakyat (PSRM) Kamarazaman Yacob, berpendapat, jika orang UMNO melayan surat Senu, ertinya UMNO mulai melangkah ke belakang.



**Senu yang bimbang dan yang menulis surat.**

Surat Senu pada mulanya hendak disiarkan oleh akhbar. Jika disiarkan, terpaksa Mahathir menjawabnya pula. Kemudian mungkin Sultan (mana-mana Sultan) pula menjawabnya. Seterusnya rakyat memberikan reaksi, dan UMNO terpaksa menyatakan pendiriannya. Maka hingar-bingarlah akhir tahun 1983 oleh kes itu. Mujurlah akhbar memilih untuk tidak menyiarkannya. Ertinya, akhbar dan juga majalah tidak mau memainkan isu ini. Barangkali editor akhbar atau majalah telah memikirkan implikasi daripada penyiaran surat Senu itu. Mungkin juga mereka dilarang menyiarkannya.

Walaupun surat Senu tidak disiarkan oleh akhbar dan majalah, soal surat Senu berkembang juga. Di sana sini timbul cadangan memecat orang tua itu dari UMNO. Jika dipecat kini, Senu mungkin menjadi lebih penting. Oleh itu, adalah lebih bijak jika pemecatan itu dibuat ketika isu tentang surat tersebut reda. Atau pemecatan langsung tidak dilakukan. Bukankah Senu kemudiannya memuji Mahathir kerana mengadakan kempen kebersihan?

Jika Senu berkira-kira bahawa suratnya akan menyenangkan Tunku Abdul Rahman, tampaknya tidak juga tepat perkiraannya itu. Sanusi Joned kemudiannya berkali-kali berkata, sebelum menulis surat ini eloklah Senu bertanyakan pendapat Tunku Abdul Rahman. Surat Senu mengisi tafsiran Senu sendiri terhadap masalah yang berbangkit daripada isu perlembagaan.

Senu seolah-oleh mengajak UMNO undur. Ia semacam menyalahkan Mahathir yang progresif. Jadi tepatlah pandangan anak muda yang bernama Kamarazaman tadi, bahawa jika ada orang UMNO sudi menerima pandangan dan saranan Senu, maka orang UMNO itu adalah orang UMNO yang jauh terkebelakang daripada Mahathir.

Senu lebih terkebelakang daripada Tunku Abdul Rahman. Itulah yang dapat dikesani apabila seseorang membaca suratnya. Tapi adakah orang muda (Zainal Abidin) yang riuh di perhimpunan khas Pemuda UMNO itu terkebelakang seperti Senu? Tidak dapat dipastikan adakah orang itu terpengaruh dengan pandangan-pandangan Senu. Subky Latiff, pengkritik kerajaan di luar parlimen yang paling lantang sekarang (kira-kira selantang Lim Kit Siang di dalam parlimen) tampaknya bersimpati kepada Senu. Tentang sikap. Subky kita mudah faham. Dalam hal-hal seperti ini, Subky akan lebih keras berfikir tentang strateginya. Sukar hendak kita percayai bahawa Subky secara ikhlas bersetuju dengan Senu.

Surat Senu sebenarnya tidak penting. Oleh itu suasana bising yang ditimbulkan oleh surat itu agak merugikan masa, bahkan merugikan tenaga. Senu boleh berbangga kerana berjaya menimbulkan suasana ini. Akan tetapi dari sudut lain Mahathir juga boleh berbangga kerana orang dapat menilai kembali betapa mundurnya fikiran lama yang diwakili oleh Senu.

Surat Senu kepada Mahathir tidak mungkin menempa sejarah seperti surat Mahathir kepada Tunku pada masa lalu. Surat Mahathir bersifat progresif manakala surat Senu pula sebaliknya.

## KASSIM AHMAD

Kassim Ahmad adalah seorang sarjana. Oleh kerana tidak semua sarjana tergolong ke dalam golongan intelektual, elok juga ditegaskan bahawa Kassim Ahmad adalah sarjana yang sekaligus intelektual. Beliau berusaha memberi sumbangan pemikiran kepada masyarakatnya, dan usaha inilah yang meletakkannya di tingkat intelektual.

Kassim Ahmad sebagai sasterawan tidak mungkin diketepikan apabila orang membicarakan kesusasteraan Malaysia. Beliau adalah penyair dan kritikus yang menampakkan bakat besar sejak akhir tahun 1950-an lagi. Kelebihannya dalam bidang perpuisian dan kritikan bukan saja diakui oleh pengkritik-pengkritik lain di Malaysia seperti Baharuddin Zainal dan Mohd Affandi Hassan, tapi diakui juga oleh sarjana-sarjana di Indonesia. Pada awal tahun 70-an, seorang sarjana dan pengkritik sastera Indonesia menyebutkan bahawa penulis seperti Kassim tak ada di Indonesia.

Sebagai penyair, Kassim menulis sajak-sajak yang sarat dengan rasa simpati kepada rakyat. Beliau amat hati-hati tentang mutu, oleh itu sejauh ini beliau hanya berhasil menyempurnakan sebuah kumpulan sajak saja, itupun bercampur dengan cerpen. Walaupun demikian, beberapa puisinya sering disebut-sebut apabila orang membicarakan karya-karya yang bermutu. Dan sebuah daripada karya-karya itu, "Sidang Ruh" namanya, disebut-sebut hinggakan ke pentas kempen pilihanraya pada akhir tahun 1960-an. Apabila sajak seorang ahli politik pembangkang dibawa ke pentas pilihanraya, tentulah hebat kupasannya. Dan ini berlangsung sehingga ke awal tahun 70-an.

Di luar kempen pilihanraya, berdiri beberapa orang pembicara sastera mempertahankan sajak tersebut. Antara mereka ialah Baharuddin Zainal dan Abu Zaki Fadhil.

Sebagai pengkritik sastera pula, menurut Baharuddin Zainal, Kassim adalah pengkritik yang paling awal menyatakan alirannya. Kassim memilih aliran realisme sosialis. Jika diperhatikan tulisan-tulisan kritiknya, kita dapati Kassim seakan-akan melanjutkan cara ASAS 50. Tulisan-tulisan Asraf pada tahun 50-an itu memihak kepada rakyat, dan Kassim pun ber-



**Kassim Ahmad**

buat demikian. Kelebihan Kassim ialah disiplin. Beliau menulis dengan disiplin ilmu, tidak tunduk kepada emosi. Oleh itu, benarlah seperti yang disebut oleh Muhammad Hj. Salleh, bahawa Kassim Ahmad adalah orang pertama mengutamakan nilai intelektualisme dalam penulisan Melayu.

Mohd Affandi Hassan membuat penilaian perbandingan yang lebih hebat dari itu. Menurut Affandi "sebuah karangan oleh Kassim Ahmad adalah lebih berharga daripada seluruh tulisan Yahya Ismail yang berupa kritik, baik yang sudah dibukukan atau belum".

Kassim Ahmad sebagai ahli politik adalah pengerusi Partai Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM), seorang peminat politik yang sederhana baiknya, salah seorang pemikir dasar partai, seorang calon pilihanraya yang tidak menang dan seorang bekas tahanan politik.

Sebagai pengerusi PSRM, Kassim tentunya orang sosialis. Tanpa ciri ini ia tidak mungkin berada di tempat tersebut. Musuh-musuhnya menggunakan label sosialisme itu untuk menghalang kemajuannya dan kemajuan partai kesayangannya.

Benarkan anggapan bahawa sosialisme tidak popular di Malaysia? Melihat kepada nasib politik Kassim Ahmad dan partainya, maka anggapan demikian boleh dikatakan benar. Dalam zaman Mahathir ini, Kassim berpeluang menentang Shamsuri di Balik Pulau, dan beliau kalah. Kekalahannya itu, dari suatu tafsiran, bermakna kurangnya sokongan kepada corak politik sosialis, walaupun Kassim sebenarnya disegani ramai. Atau, kekalahannya itu, juga kekalahan sebelumnya, ialah kerana istilah sosialisme itu masih "asing" bagi rakyat Malaysia. Seorang ahli politik veteran Perlis, Shaari Jusoh namanya, memberi pendapat bahawa politik Melayu hendaklah menekankan tiga hal, pertama agama, kedua nasionalisme sempit dan ketiga kebendaan. Agak menarik pendapat ini kerana Shaari Jusoh semacam mengakui bahawa Kassim mengamalkan nasionalisme yang tidak sempit!!

Kassim sebagai bekas tahanan politik telah menghasilkan buku "Universiti Kedua". Ini hebat. Tinjauan di kedai buku ini laris. Dalam jangka waktu yang relatif singkat, menurut Azran Rahman yang menerbitkannya, buku ini akan mengalami cetakan kedua.

**Universiti Kedua** mengisahkan pengalaman Kassim Ahmad sejak belum ditahan sehinggalah beliau dilepaskan dari tahanan. Sebelum menyentuh sedikit isinya, elok dibicarakan judulnya terlebih dahulu.

Tepatkah judul "**Universiti Kedua**"?

Kassim pernah memasuki Universiti Malaya, Singapura dan Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Daripada universiti di Singapore beliau

memperolehi ijazah Sarjana Muda Sastera (1959) dan daripada universiti di Kuala Lumpur pula beliau mendapat ijazah sarjana (1961). Jadi, Kem Kemunting ialah universitinya yang ketiga!

Hujah di atas barangkali kosong saja. Universiti Malaya di Singapura dan Universiti Malaya di Kuala Lumpur adalah sama. Kedua-duanya universiti biasa, apatah lagi kedua-duanya bernama Universiti Malaya. Perbezaan yang ada hanyalah perbezaan tempat, dan itu berlaku kerana perpindahan. Oleh itu kedua-dua universiti itu adalah satu, manakala Kem Kemunting adalah universiti yang lain. Oleh itu, Kassim boleh mempertahankan bahawa tahanan di bawah ISA adalah pengajian di universiti kedua.

Menurut Azizan Bahari, aktivis belia yang kini bercuti (Azizan sedang melanjutkan pelajarannya di U.S.A.), nama **Universiti Kedua** untuk buku ini tidak wajar. Kassim semacam senang dengan peristiwa tahanan tersebut sehingga dinamakannya universiti. Bukankah universiti merupakan tempat idaman? Bicara Azizan disambung oleh seorang teman yang beranggapan bahawa judul itu berbau egoistis. Dengan menyebutkan universiti kedua, maka pegangan seakan-akan menyatakan bahawa ia pernah ke universiti pertama!!

Demikian orang berbicara tentang judul buku Kassim. Tapi yang menarik tetap menarik. Buku ini memuatkan cerita benar di dalam tahanan yang sangat mahal harganya.

Di dalam zaman pentadbiran bersih, cekap dan amanah ini, penahanan orang politik yang tidak berbahaya kepada negara hendaknya jangan dilakukan. Telah terbukti bahawa antara yang pernah ditahan itu ada yang cukup bernilai untuk negara, bahkan oleh pemerintah juga. Orangnyanya tidak lain dari Anwar Ibrahim, bekas tahanan politik yang melompat menjadi menteri. Merenungi peristiwa itu, cuba kita bayangkan Kassim Ahmad masuk UMNO, atau sekurang-kurangnya PSRM menyertai Barisan Nasional.

Kassim Ahmad sebagai ahli politik tidak menjadi wakil rakyat, dan jauh lagilah untuk menjadi menteri. Kassim Ahmad selaku sasterawan belum menerima hadiah sastera nasional, South East Asia Awards, apatah lagi anugerah sastera negara. Tapi kemenangan dalam perjuangan seseorang tidak seharusnya diukur dengan pencapaian kebendaan dan pangkat. Kassim Ahmad, seperti juga Anwar Ibrahim, adalah tokoh yang sudah menempah nama melalui tindakan-tindakan yang bersandarkan keyakinan. Dan kita sedang memerhatikan perkembangan selanjutnya.

## SUBKY LATIFF

Kira-kira pada akhir tahun 60-an dan awal 70-an, Subky Latiff diterima umum sebagai pembicara politik yang berpotensi. Ia amat kritis dan analitis dalam setiap pembicaraan, terutama pembicaraan tentang politik dalam setiap pembicaraan, terutama pembicaraan tentang politik dalam negeri.

Kebolehannya membicarakan masalah politik tentulah tidak berkurang sampai kini. Pembaca masih menatap tulisan-tulisannya di akhbar-akhbar tempatan. Bahkan masih ada yang tidak senang jika ruangan tetap untuknya tiba-tiba tergendala, atau tiba-tiba Subky menggunakan ruangnya untuk membicarakan sukan, misalnya.

Akan tetapi Subky sebagai kritikus politik tampaknya digerhanakan oleh pengistiharannya memasuki PAS. Jadi, sungguhpun pembaca masih tertunggu-tunggu ruangnya, tetapi imej PAS itu berselang seli dengan imej Subky sendiri ketika tulisan-tulisannya ditatap.

Dengan menjelmannya imej PAS di dalam tulisan-tulisan Subky, maka pembaca mungkin saja melihat Subky sebagai alat kepada partai itu, dan hujah-hujahnya yang original dan menarik tiba-tiba terkembang begitu saja di bawah slogan perjuangan PAS. Kadang-kadang kita dapati pandangan



**Subky Latiff**



pribadi Subky dibentuk sebegitu rupa sehingga tampaknya merupakan pandangan PAS, dan jika dibaca tulisannya baru-baru ini, kelihatanlah pandangan itu mewakili pandangan PAS era baru.

Sungguhpun Subky memasuki PAS semasa Datuk Asri mengetuainya, tapi pandangan Subky sekarang adalah pandangan PAS Abdul Hadi Awang. Ketika ia berketuakan Datuk Asri dulu, pandangannya mungkin berbeza, terutama ketika ia merestui pembuangan Datuk Muhammad Nasir.

Dalam suatu forum di Universiti Malaya ketika Muhammad Nasir disingkir dulu, Subky Latiff memberikan pandangan yang amat tidak popular. Hal ini berlaku kerana Muhammad Nasir terlalu popular pada waktu itu. Hadirin benar-benar tidak menyenangnya apabila ia menyarankan bahawa pembelaan terhadap Muhammad Nasir adalah sia-sia.

Sebenarnya Subky boleh dipuji kerana berani memberikan pandangan yang bercanggah dengan kemahuan ramai. Ketika itu Subky bagaikan mewakili Asri untuk berusaha memudarkan imej Muhammad Nasir. Bagi para hadirin pula, usaha Subky sudah tidak menarik lagi, kerana ia telah menyebelahi suatu pihak yang sedang dipersoalkan.

Ketika Asri sedang ditolak ke tepi oleh kumpulan radikal PAS, Subky berforum di Universiti Sains Malaysia. Asri ketika itu masih dalam PAS dan Hamim belum dikemukakan. Subky (yang sudah turut tidak menyenangi Asri) mengkritik kerajaan kerana tidak berusaha bersungguh-sungguh membasmi kemungkaran. Ia tahu bahawa penubuhan Bank Islam dan Universiti Islam adalah usaha-usaha kebajikan, tapi menurutnya, usaha-usaha itu tidak bererti kerana yang penting ialah pembasmian kemungkaran.

Pada ketika Subky memberi pandangan demikian, Asri sudah mengemukakan pandangannya bahawa usaha-usaha kerajaan menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam pemerintahan adalah baik dan dialu-alukan. Pandangan Subky jelas sekali mirip kepada pandangan Abdul Hadi Awang. Menurut Abdul Hadi, usaha kerajaan ke arah Islam adalah mengikut fesyen sahaja, kerana Islam bagi kerajaan adalah Islam yang mendatangkan duit. Tambahnya, kerajaan berusaha menubuhkan Bank Islam tetapi tidak mengIslamkan bank-bank jahiliah. Demikian jugalah halnya dengan Universiti Islam. Kerajaan, katanya, tidak berusaha mengIslamkan universiti-universiti yang sedia ada.

Baik dalam penulisan maupun ucapan-ucapan, pandangan-pandangan yang menyebelahi sesebuah partai secara langsung amat mudah dikenali. Di Timur itu terdapat beberapa tokoh agama (atau ulama) yang memilih Islam tulen sebagai pegangan mereka. Kehebatan Abdul Hadi Awang mungkin boleh disamakan dengan Muhammad Uthman El-Muhammady, tetapi Muhammad Uthman mengemukakan pandangan-pandangannya kepada masyarakat tanpa berlandaskan partai tertentu. Bagi Muhammad Uthman

kemodenan ini sendiri (termasuk di dalamnya modernisme dan moderniti) adalah 'fitnah'. Dunia sekarang sedang menghadapi fitnah besar, katanya, iaitu fitnah kemodenan. Lihatlah betapa luasnya konsep fitnah Muhammad Uthman, jika dibandingkan dengan konsep fitnah Dr. Mahathir dan Datuk Musa dalam Persidangan UMNO 1983.

Kembali kepada Subky yang menjadi jurubicara PAS era baru. Setelah menanggapi dasar perjuangan PAS kini, yang ia sendiri mungkin turut terlibat merangkakanya. Subky terus menulis pandangannya seperti yang tersiar dalam WATAN ialah bahawa kerajaan PAS yang memerintah Kelantan pada masa-masa yang silam adalah kerajaan Berjasa dan Hamim. Alasan-alasannya ialah, pemimpin-pemimpin PAS yang lama itu telahpun meninggalkan PAS dan mereka berada di dalam Berjasa dan Hamim. Datuk Muhammad Nasir adalah bekas ahli PAS yang menjadi Menteri Besar Kelantan atas pilihan UMNO, katanya.

UMNO boleh memilihnya kerana Muhammad Nasir tidak berjiwa PAS, tetapi berjiwa Berjasa. Datuk Asri sendiri, yang menjadi Menteri Besar Kelantan sebelum itu, kini sudah terbukti berjiwa Hamim, bukan PAS. Lagipun, menurutnya, ahli-ahli PAS yang masuk Hamim kini membawa bersama-sama mereka kerusi yang diperolehi mereka melalui tiket PAS. Oleh itu, menurut logika Subky, eloklah mereka membawa bersama imej PAS yang silam, iaitu jangan tinggalkan sejarah pemerintahan mereka itu untuk ditanggung oleh tokoh-tokoh PAS sekarang.

Subky amat rajin memikirkan putaran sedemikian. Ada kemenasababannya. Akan tetapi, oleh kerana Subky memasuki PAS zaman Asri, tidakkah boleh kita angap Subky juga pernah memasuki Hamim? Atau, untuk lebih tepat lagi, tidaklah boleh kita katakan bahawa Subky pernah berketuakan orang Hamim?

Sebenarnya melangsungkan pembicaraan begini menepati apa yang disebut '*mental excercise*'. Hujah ini tidak akan ke mana-mana sebenarnya. Jika Tunku Abdul Rahman merajuk, dan masuk PAS, ia tidak akan membawa imej Perikatan bersama-samanya masuk PAS. Jika Tengku Razaleigh tiba-tiba masuk Partai Rakyat, kita tidak tiba-tiba mengatakan bahawa Kementerian Kewangan dipegang oleh Partai Rakyat. Demikian juga jika Tun Hussain Onn tiba-tiba masuk DAP, kita tidak boleh mengatakan bahawa sebelum Dr. Mahathir mengambil alih pentadbiran, Malaysia diperintah oleh DAP.

Logika yang sebenar ialah logika formal. PAS, seperti juga UMNO, mengalami perubahan sikap dari semasa ke semasa. Kepimpinan adalah satu hal, kewujudan partai adalah hal lain. Tunku Abdul Rahman tidak pernah terfikir yang Mahathir akan mengambil tempatnya pada suatu masa. Ghazali Shafie tidak pernah terfikir bahawa pemuda yang ditangkap di bawah I.S.A. itu akan duduk sama tinggi dengannya sebagai menteri kabinet.

Jadi, Asri pun tidak pernah terfikir bahawa orang-orang yang menentang akan mengambil tempatnya. Cuma, berbeza daripada orang-orang UMNO, apabila dia diketepikan, dia merajuk.

Sebagai menyambung pandangan-pandangan Abdul Hadi Awang, Subky Latiff dalam ucapannya semasa berkempen untuk pilihannya di Kemumin dan Selinsing menyebutkan bahawa PAS tidak berjuang untuk demokrasi. Pandangan begini tentu boleh dipertahankan jika berterusan diucapkan. Tapi di tempat lain ia sering pula mengkritik kerajaan kerana kurang demokratis. Yang dapat kita katakan dalam hal seperti ini ialah, pilihanraya memungkinkan orang terlanjur dalam memberikan pandangan-pandangan. Kempen pilihanraya adalah sebahagian daripada keseluruhan usaha strategik sesebuah parti yang bertanding.

Sekarang ini tulisan-tulisan Subky adalah tulisan-tulisan yang strategik, iaitu tertakluk kepada cita-cita politik partainya yang disayangi.

## LAGI POLITIK PERLIS

Seperti dalam buku **Zaman Mahathir**, dalam buku ini dibicarakan lagi politik Perlis. Alasan untuk menjadikan politik Perlis sebagai satu topik khas ialah: Pertama sebelum Zaman Mahathir, tidak ada seorang pun wakil rakyat Perlis yang naik ke kabinet. Pada Zaman Mahathir, Radzi Sheikh Ahmad dipilih oleh Mahathir, mula-mula sebagai Setiausaha Parlimen, kemudian sebagai Timbalan Menteri.

Alasan kedua, Perlis terlibat dalam suatu kes sabotaj dalam pilihanraya, iaitu di Bintong. Azmi Khalid tertolak sebagai calon UMNO di situ, dan Shuib Haji Mohammad (PAS) telah memenangnya tanpa bertanding. Bagi pihak suruhanjaya pilihanraya, pembatalan kertas Azmi adalah perkara biasa, iaitu kesilapan teknik, sama seperti di Kemumin dan Selising, Kelantan. Tapi bagi UMNO dan rakyat Perlis, suatu sabotaj telah berlaku. Ini dibawa ke mahkamah, tapi keputusan mahkamah tidak memenangkan pihak yang membawa kes ini. Oleh itu tidak ada pilihanraya semula, dan Shuib terus mewakili Bintong di Dewan Negeri.

Walau bagaimanapun, PAS tidak mempunyai masa depan di Perlis. Dalam pilihanraya 1982 itu, jika tidak berlaku sabotaj (yang tidak perlu dihuraikan lagi), tentu Barisan mencapai kejayaan 100%. Kalau tidak berlaku suatu pergolakan lain (yang tak diduga) kemenangan pilihanraya akan datang juga di tangan Barisan. Encik Shuib hendaklah berkhidmat bersungguh-sungguh untuk mendapat pahala, atau dengan kata lain untuk keredhaan Allah, jangan untuk menang sekali lagi. Sebab, walau sebaik mana dia bekerja pun, peratus kemungkinan untuk dia menang pada kali akan datang amat kecil. Md Nor Bedah telah mendapat imej baru sebagai senator sekarang. Kalau Azmi Khalid tidak mau mengulangi menjadi calon di Bintong (kerana katanya "karut!"), barangkali Md Nor Bedahlah penentang PAS di Bintong. Ini kemungkinan saja.

Apabila kita melihat kepada puncak dalam kepimpinan UMNO Perlis, nama-nama yang muncul kini ialah Ali Ahmad, Radzi Sheikh Ahmad, Shaari Jusoh, Hamid Pawanteh dan Zain Hamzah. Hamid Pawanteh dan Zain Hamzah adalah tokoh-tokoh dari bahagian Selatan, manakala yang lainnya dari Utara. Dalam sejarah politik Perlis, tokoh-tokoh Selatan belum pernah menjadi Menteri Besar Perlis.

Sekarang, orang-orang Selatan sedang mengharumkan nama-nama Hamid Pawanteh dan Zain Hamzah itu. Hamid Pawanteh, atau dikenali sebagai Dr. Hamid, berjaya ke peringkat yang dihormati di parlimen, kadang-kadang menggantikan speaker. Oleh itu kemungkinan meningkatnya ia dalam politik Perlis sudah sewajarnya kuat.



“Perlis ini dahlah kecil, miskin pula. Bolehkah aku memajukannya?” Radzi Sheikh Ahmad merenungi masa depan.

Agak lain dengan Zain Hamzah. Beliau agak aktif di Perlis tetapi karismanya tidak cukup kuat. Oleh itu namanya tidak cukup menonjol walaupun ada usaha mengharumkannya.

Kepimpinan dalam politik Perlis masih dalam perkiraan. Tidak benar untuk dikatakan bahawa di Perlis tidak ada tokoh kepimpinan. Jika diberi peluang yang cukup, Mohd. Isa Sabu akan dapat mencapai kedudukan Mohd Isa Samad di Negeri Sembilan. Perlu disebutkan bahawa anak muda yang bernama Mohd. Isa Samad yang memimpin Negeri Sembilan sekarang mencapai kedudukannya dengan tidak disangka-sangka. Bakat kepimpinannya tidak ketara sama ada di sekolah ataupun di universiti. Di sekolah misalnya beliau adalah *prefect*, dan dibandingkan dengan sejumlah ketua murid yang lain, beliau tidak terkemuka. Beliau terlalu *simple* pada masa itu.

Gambaran tentang Mohd Isa Samad dibuat dengan tujuan untuk membandingkannya dengan Mohd Isa Sabu yang juga *simple*. Kedua-dua mereka lulusan universiti.

Perbandingan di atas juga dibuat untuk memperlihatkan betapa pengaruh dan kedudukan orang tua boleh membantu peningkatan seseorang dalam politik. Kata Dr. Mahathir, "Anak-anak saya tak berminat



Selepas berbual sejenak dengan Ali HJ. Ahmad (MB Perlis) tentang kemajuan negeri Perlis.

langsung dalam politik, inilah yang saya rasa kecewa sangat." (Hadirin Persidangan UMNO 1983 ketawa gemuruh). Mahathir berkata dengan nada gurauan, tapi hakikat selama ini telah menunjukkan bahawa jika anak-anak pemimpin mempunyai minat dalam politik, maka ia akan cepat naik. Walaupun anak-anak Harun Idris dan Ghafar Baba tidak begitu memuncak dari segi pencapaian politik mereka, tapi nama dan kedudukan bapa mereka telah memberi sumbangan memperkenalkan dan mempopularkan mereka. Anak Tun Razak yang bernama Najib itu pula naik dengan begitu mendadak setelah bapanya meninggal, padahal sebelum itu tidak berapa orang di kalangan rakyat biasa yang mengenalnya. Dalam jangka waktu yang singkat Najib meningkat, pertama ke Timbalan Menteri Pelajaran, dan kedua ke Menteri Besar.

Mohd Isa Samad ialah anak orang yang agak popular di Negeri Sembilan. Mohd Isa Sabu di Perlis tidak demikian. Di Perlis, Radzi Sheikh Ahmad memperolehi kebertuhan seperti yang didapati oleh Mohd. Isa Samad itu. Radzi dengan cepat menjadi Timbalan Menteri, sepertimana Najib Razak mencapainya dulu. Dapatlah kita katakan, di samping pencapaian dan bakatnya yang tersendiri, Radzi memperolehi kedudukan kerana pengaruh dari bapanya Tan Sri Sheikh Ahmad yang menjadi Menteri Besar Perlis sebelum tahun 1972. (Ini sekali-kali tidak bermaksud menafikan karisma, kerja dan gaya perhubungannya selama ini.)

Elok juga dilangsungkan cerita tentang Radzi. (Masa depan Mohd Isa Sabu pun sedikit sebanyak bergantung kepada tokoh ini, sepertimana Mohd Nor Bedah mencapai selangkah 'masa depan'. Dan kontroversi, akan terjadi jika Radzi menonjolkan Ridzuan adiknya.) Radzi pernah ditolak oleh kepimpinan politik Perlis selepas tahun 1972. Ia tidak memulakan kegiatan politiknya semasa bapanya menjadi Menteri Besar, mungkin kerana asyik belajar Ilmu Undang-undang yang dipilihnya. Jadi apabila kepimpinan bapanya ditolak, maka tidaklah mengherankan apabila permohonannya untuk menjadi ahli UMNO Perlis ditolak pula.

Penolakan seperti di atas memanglah tidak wajar. "Politik itu kotor", Radzi mengeluh menggunakan baris klise tentang politik. Dan Radzi terpaksa menunggu terlalu lama untuk pulang ke Perlis. Ia terpaksa bergerak di Selangor dulu.

Seperti yang saya sebutkan dalam buku **Zaman Mahathir**, Datuk Jaafar tidak menyediakan barisan pelapis untuk memimpin Perlis. Anak-anak muda yang berkeupayaan memang ada, dan memang mencukupi, tetapi yang "tertonjol" di Perlis pada akhir-akhir pentadbiran Datuk Jaafar hanyalah Shahidan Kassim, seorang pegawai kerajaan. Dari segi karisma, Shahidan tidak bersedia menjadi pemimpin politik, oleh itu apabila ia terpaksa berpindah tempat kerja (ke Kuala Lumpur), tidak ada suara-suara yang mengharapkan ia balik ke Perlis walaupun daripada bahagian Selatan.

Padahal semasa ia menjadi Pegawai Kemajuan Negeri, ia mengambil berat bahagian Selatan. Shahidan perlu memulakan cara dan gaya baru jika ia hendak melangsungkan hasrat politiknnya di Perlis.

Sebelum kepergian Shahidan, seperti yang saya sebutkan dalam **Zaman Mahathir** juga, terdapat seorang yang lebih dewasa bernama Harun Musa. Beliau juga tiba-tiba bertukar keluar, iaitu ke Negeri Sembilan, dan kegiatan politiknnya di Perlis terhenti begitu saja. Harun Musa lulusan Universiti Malaya, pernah kalah dalam perebutan Ketua Pemuda UMNO di tangan seorang yang tidak memiliki ijazah, Saidin Muhammad namanya. Namun kekalahannya itu tidak membuktikan ia akan menghadapi kegelapan politik. Cuma, tempat kerjanya kini terlalu jauh untuk dia terlibat secara aktif dalam politik Perlis. Tinggallah teman akrabnya, Selamat Saad, melangsungkan kegiatan politik yang mereka mulakan bersama-sama. Selamat Saad mempunyai imej yang agak baik di kalangan UMNO, cuma ia tidak merangkakan strategi untuk dirinya. Ia adalah orang UMNO yang banyak memikirkan kebajikan untuk UMNO dan orang melayu, tapi tidak begitu menghiraukan perancangan untuk dirinya. Orang-orang muda yang muncul ketika Datuk Jaafar mengetuai Perlis bukan sekadar Harun Musa atau Shahidan Kassim saja. Masih ada orang lain lagi, yang seharusnya dididik oleh Datuk Jaafar jika mereka itu kurang mahir dalam politik. Memanglah amat baik bagi Datuk Jaafar memberi harapan dan peluang kepada Shaari Jusoh, tetapi Shaari sendiri mengakui bahawa ia tidak mempunyai hasrat untuk menjadi Menteri Besar. Dan memang kita tidak menolak kemampuan Menteri Besar sekarang, iaitu Ali Ahmad, cuma setau kita Dr. Mahathir menghendaki orang muda seperti Mohd Isa Samad di Negeri Sembilan untuk menjadi Menteri Besar Perlis. Itulah sebabnya Mahathir amat kesal apabila Azmi Khalid ditimpa bencana '**carbon ajaib**' dalam pilihanraya 1982.

Dengan tidak tersedianya barisan pelapis pada masa Jaafar Hassan mengetuai Perlis, Radzi Sheikh Ahmad kini mempunyai peluang yang lebih untuk menyusun strateginya. Radzi mempunyai kemampuan mengenali bakat-bakat pemimpin Perlis masa depan. Sekarang pun ia boleh menghitung bakat-bakat yang ada di Perlis, dan jika tepat perhitungannya, masa depan Perlis yang miskin dari segi penghasilan itu tidak akan terus pudar. Ishak Arshad dan Sabri Muhammad misalnya, adalah anak-anak muda yang harus diperhatikan secara analitis, selain daripada orang-orang muda yang sedia disenangi.

Yang seharusnya tidak dilupai oleh Radzi ialah hakikat bahawa Perlis mempunyai zaman Jaafar Hassan (selama kira-kira 9 tahun iaitu 1972 - 1981). Dalam zaman itu terkumpul pekerja-pekerja yang kuat berkhidmat untuk UMNO. Jika Radzi mengecap dan menyimpulkan bahawa pekerja-pekerja yang mementingkan partai selama 9 tahun itu sebagai orang-orang Jaafar Hassan atau orang-orang Shaari Jusoh, ia akan menghadapi saingan



yang hebat pula. Tidakkah benar bahawa semua orang UMNO Perlis boleh dikategorikan sebagai orang Shaari dan orang Radzi. Ada orang UMNO yang melihat UMNO, bangsa dan negeri lebih penting daripada tokoh-tokohnya. Kalau dibandingkan dengan peristiwa di peringkat nasional, tidak semua orang UMNO menjadi sama ada orang Musa atau orang Razaleigh. Ada orang UMNO yang ingin melihat kekuatan UMNO tanpa mengira tokoh.

Khusus untuk Perlis, kemenangan Radzi menentang Shaari dalam tahun 1982 sebenarnya adalah hasil daripada perubahan sikap. Sebelum pergi ke mesyuarat agung itu, ketua kawasan Kok Klang, Ahmad Jassin, bersungut perlahan: "Kita sayang kepada Shaari kerana dia baik dengan kita, tapi Radzi peguam. Susah juga nak pilih". Contoh begini memperlihatkan adanya objektiviti dalam pemilihan, iaitu orang seperti Ahmad Jassin tidak memilih seseorang atas sebab-sebab pribadi. Yang pasti misalnya Wan Nan ingin **mempopularizekan** Ismail Hamid, seorang pensyarah universiti, manakala pihak lain pula ingin membawa balik Mahzan Ayub, seterusnya Mohzani. Oleh kerana undi adalah rahsia, kita tidak tahu Ahmad Jassin mengundi siapa, tapi jika ia mengundi Radzi tidakkah bererti "orang yang sayang kepada Shaari telah mengundi Radzi?". Jika hal demikian berlaku, maka tiada lagi orang Shaari atau orang Radzi, yang ada ialah orang UMNO (dalam konteks ini).

Bahari Ismail (Kubang Puroon) Shafie Derani (Gial), sehingga ke Wan Nan Wan Mahmud (Paya) bukanlah boleh dikategorikan secara menjadi orang Shaari atau orang Radzi.

Radzi telah menang dengan majoriti 58 undi pada tahun itu. Mohd Isa Sabu, Yazid Mat dan Abu Hassan Pakeh Sidin adalah pemuda-pemuda yang turut menang sebagai ahli jawatankuasa. Ketua Bahagian masih Ali Ahmad yang menang tanpa bertanding.

Apabila Radzi menang, anggapan umum ialah Shaari Jusoh akan hilang dari arena politik Perlis. **Berita Harian** meramalkan bahawa pencapaian politik Shaari mungkin berakhir dengan kekalahannya itu. Namun hal itu hanya akan menjadi kenyataan jika Radzi sentiasa tepat dalam membuat perhitungannya.

Jika Radzi membuat kesimpulan bahawa orang Shaari kekal sebagai orang Shaari, maka kesimpulan itu salah. Sejumlah orang telah bekerja untuk Radzi dalam pemilihan itu walaupun mereka dikenali sebagai orang Shaari. Ini adalah realiti politik yang menarik. Kini, Radzi yang sudah mencapai tingkat yang agak baik dalam kerajaan, harus memperhitungkan keadaan ini dengan lebih teliti. Jika tidak, sejarah berulang lagi, iaitu akan muncul pula angkatan lain, yang didokong oleh orang-orang yang tidak berpuas hati kepada Radzi dan klik inteleknya. Pada masa itu pertentangan akan lebih hebat lagi, dan tidak ada siapa pun di Perlis itu atau di peringkat pusat juga, yang boleh mengawalinya. Saya katakan demikian, kerana

Mahathir sendiri tidak berkeupayaan mengawal pertentangan yang ada di antara klik Musa dengan klik Razaleigh kini. Jadi terpulanglah kepada tokoh-tokoh politik sama ada akan membiarkan hal ini berlaku, atau mengawalinya dengan sikap dan pemikiran yang tenang. Secara rasional, kita memilih cara tenang, sebab dalam ketenangan pembangunan boleh dipesatkan.

## PILIHANRAYA Seremban 19.11.1983.

Kemenangan Lee San Choon menentang Chen Man Hin dalam *epic battle* tahun 1982 adalah kemenangan yang menarik. Ini kerana Seremban adalah kawasan DAP, di mana Chen Man Hin diterima sekian lama. Lee San Choon dianggap satu-satunya tokoh yang boleh mengalahkan beliau, itu pun dengan majoriti yang kecil iaitu 845 undi. Manakala orang MCA yang lain belum tentu dapat mengalahkan pengerusi DAP itu.

Adakah dikesali, setelah menang, Lee San Choon tidak berkhidmat lama di Seremban. Hanya 18 bulan beliau dari tarikh kemenangan itu beliau meletakkan jawatan sebagai presiden MCA, menteri kabinet dan wakil rakyat Seremban.

Kemenangan yang begitu sukar dicapai telah dipersia-siakannya. Setelah meletakkan jawatan, ada yang memuji, kononnya cara Lee San Choon baik, tapi ternyata hakikatnya tidak demikian. Kemenangannya menentang Chen Man Hin, iaitu 845 undi itu sepatutnya dihargainya betul-betul. Bantuan dari teman-teman, baik dari MCA iaitu partainya, dan juga dari UMNO, tidak boleh dipermudahkan begitu saja. Undi rakyat Seremban yang memberi kemenangan kepadanya perlu dipertimbangkan sebelum beliau memutuskan untuk meletakkan jawatan.

Akan tetapi, apa pun yang dikatakan, dan atas alasan apa jua, Lee San Choon telah meletakkan jawatan-jawatan beliau dalam politik dan dalam kerajaan. Terpaksalah pilihanraya kecil diadakan pula. MCA terpaksa memilih di antara beberapa orang calon yang layak, iaitu antara lain Dr. Chong Hong Leong, Teng Geok Huan, Teh An Chuan dan Rosie Teh. Di antara mereka Teh An Chuan dikira kuat kerana beliau adalah presiden Gerakan Belia Bersatu. Tapi dia, dan juga Teng Geok Huan, bukan penduduk Seremban. Penduduk Seremban yang berpengaruh ialah Chong Hong Leong dan Rosie Teh.

Akhirnya Rosie Teh yang dijangka boleh mengubati hati rakyat Seremban yang terluka oleh perletakan jawatan Lee San Choon. Menurut seorang tokoh MCA, kawasan Seremban mempunyai jumlah pengundi wanita yang ramai, dan calon wanita adalah tepat. Walaupun begitu, dapatkah calon wanita seperti Rosie Teh menentang Chen Man Hin yang kalah sedikit saja menentang Lee San Choon dulu?

Isu MCA, iaitu usia Chen Man Hin sudah lanjut, tidak boleh diterima oleh rakyat Seremban. Dalam politik, usia tua atau muda bukan ukuran yang sering digunakan. Pemimpin-pemimpin dunia ada yang tua dan ada yang muda. Itu biasa saja. Lagipun, imej tokoh yang bernama Chen Man

jin itu semasa menjadi wakil pada masa-masa lalu tidak terjejas. Rosie Teh tidak mempunyai imej demikian.

Sekarang dengan majoriti 6393 undi, Chen Man Hin akan masuk ke Parlimen semula. Senanglah hati Lim Kit Siang dan rakan-rakannya. Kemenangannya sehari sebelum wakil UMNO menemui wakil raja-raja di Shah Alam. Barangkali DAP akan menjadi lebih garang jika pertemuan UMNO dengan raja-raja itu tidak membuahkan hasil yang dihajatkan oleh UMNO. Dan itulah yang berlaku.

## MAHATHIR DI LAPANGAN TERBANG

Sebelum Mahathir tiba di lapangan terbang Kepala Batas, Alur Setar, pada 26hb. November, 1983, terdengar pesanan (dari corong pembesar suara) yang berbunyi "Berjaga-jaga, jangan pijak *wire*". Orang yang berpesan itu amat bimbang kalau-kalau karan elektrik menyambar sesiapa di perhimpunan itu. Nyawa manusia satu hal, tapi kebimbangan seterusnya ialah kalau peristiwa disambar karan elektrik itu akan dikaitkan dengan daulat raja.

Pada zaman dahulu, orang mempercayai bahawa jika rakyat menderhaka kepada raja, maka bencana akan menimpa rakyat itu. Ingatkan kembali kisah "Sultan Mahmud Mangkat Dijulang." Cerita itu pastilah diadakan untuk menguatkan kepercayaan rakyat bahawa kuasa daulat raja itu luar biasa sekali.

Kini orang yang rasional sudah faham bahawa konsep daulat itu bukanlah demikian. Raja berdaulat jika dikehendaki oleh rakyat. Di Indonesia raja-raja tidak berdaulat lagi kerana rakyat tidak menghendakinya. Daulat raja berpelembagaan adalah mengikut kehendak perlembagaan. Selagi perlembagaan diterima oleh rakyat, selagi dalam perlembagaan itu raja didaulatkan, maka berdaulatlah raja itu. Daulat yang difahami kini langsung tidak berkaitan dengan kuasa ghaib.

Di lapangan terbang pada hari yang dinyatakan di atas, Mahathir menyatakan bahawa rakyatlah yang sebenarnya berdaulat. Kedaulatan rakyat sebenarnya sudah terlihat jelas sejak tahun-tahun 40-an lagi. Seperti yang disebutkan oleh Anwar Ibrahim (di tempat lain) raja-raja sudah mau mengalah apabila British mengemukakan gagasan Malayan Union dulu. Dengan kedaulatan rakyat, British terpaksa membatalkan gagasan itu.

Mahathir di lapangan terbang Kepala Batas pada hari itu adalah Mahathir yang rela berkorban untuk bangsa dan negaranya. Ia boleh memilih jalan selamat dari sejak awal lagi. Bukankah ia sudah cukup popular dengan pembaruan-pembaruan yang lepas? Penerapan Islam dalam pentadbiran saja telah cukup meletakkan ia di tempat penting di hati rakyat. Apabila ditambah dengan kecekapan bekerja, keikhlasan dan liberalisme, kedudukan Mahathir menjadi lebih kukuh.

Pindaan Perlembagaan sebenarnya bertujuan untuk melengkapkan makna demokrasi di dalam negara ini. Sistem monarki tidak akan diketepikan. Raja akan berada di tempat raja berpelembagaan yang sebenar-benarnya, bukan separuh-separuh, dan bukan samar-samar. Mereka masih tidak boleh diheret ke mahkamah.

Jika raja-raja tidak berpinga-pinga, soal pindaan perlembagaan tidak membawa masalah seperti yang berlaku sekarang. Tetapi dengan per-cakapan Raja Perlis pada hari jadinya, masalah ini bertambah kusut. Di Perlis, rakyat mula menghitung jumlah harta raja itu, dan mempersoalkan penglibatan orang bukan Melayu dalam pengumpulan harta bersama orang istana. Hal ini timbul sejak dulu, tetapi ketika itu rakyat dihantui oleh 'semangat' perlembagaan, jadi rakyat tidak menimbulkan kisah-kisah seperti ini.

Sekarang orang sudah mulai bertanya. Betulkah raja-raja menjaga kepentingan orang Melayu? Yang jelas raja-raja menjaga kepentingan mereka sendiri. (Menteri-menteri pun bukanlah semuanya betul. Pada suatu waktu, menteri-menteri dan wakil-wakil rakyat asyik mengumpul harta juga melalui kerja-kerja *part-time* mereka. Cuma, pada zaman Mahathir hal-hal demikian terhalang. Jelaslah Mahathir berkhidmat untuk rakyat.)

Dalam perhimpunan di lapangan terbang itu teriakan "Hidup Mahathir!" adalah tepat dengan *mood* hadirin, manakala teriakan "Hidup UMNO!" rasanya kurang tepat. Yang penting sekarang ialah sokongan terhadap pucuk pimpinan, kerana usaha-usaha progresifnya. UMNO memang hidup dan sudah sekian lama UMNO hidup dalam keadaan separuh aktif. Dalam konteks demokrasi di Malaysia, usaha Mahathir ini (walaupun pahit), sudah membuka mata rakyat dan raja tentang fungsi masing-masing. Tugas-tugas rakyat bukan sekadar mengundi, tapi berusaha memahami corak pemerintahan yang dipilih, manakala tugas raja ialah untuk menerima keputusan rakyat. Seperti yang disebutkan oleh Peguam Negara, fungsi Yang Di Pertuan Agong di bawah perlembagaan ialah memberi persetujuan kepada mana-mana Rang Undang-Undang yang diluluskan oleh Parlimen. Menurut Peguam itu lagi, fungsi itu adalah satu kewajipan yang perlu disempurnakan sejajar dengan konsep pemerintahan yang berlandaskan demokrasi berparlimen.

Rakyat yang terpengaruh dengan surat Senu mempunyai pandangan bahawa pindaan perlembagaan akan mengancam kedudukan istimewa orang Melayu. Pihak PAS yang mempunyai cara pemikiran yang lain dalam hal pemerintahan, turut juga melibatkan diri memberi pandangan tentang hal ini. Wakil PAS tunggal Perlis, Shuib Mohammad, mengatakan bahawa kedua-dua pihak raja Mahathir tidak baik. Subky Latiff dalam beberapa tulisannya menyenangi Senu, dan menganggap persoalan ini timbul kerana Perdana Menteri tidak berkelulusan undang-undang.

Sebenarnya, seperti yang dinyatakan oleh Anwar Ibrahim, pindaan perlembagaan amat wajar sesuai dengan kematangan rakyat. Perkembangan kita agak baik, tapi tidaklah terlalu baik. Perkembangan bukan Quran yang tidak boleh dipinda. Menurut Mohd. Affandi Hassan pula, perlembagaan kita adalah "anugerah" bekas penjajah.

Yang tidak bersetuju dengan pindaan perlembagaan ialah DAP. Ditinjau sepintas lalu, ini aneh. Adakah Lim Kit Siang memihak kepada raja-raja

Melayu secara ikhlas? Beberapa tahun yang lalu DAP telah menimbulkan kemarahan Sultan Perak. Oleh itu, pihak raja-raja sendiri tentu tahu tentang cara politik DAP. Raja-raja sejauh ini tidak pernah bersuara tentang DAP walaupun partai itu menyebelahi mereka dalam hal ini. DAP ingin menghalang bahagian lain yang turut berada di dalam pindaan itu, bukan perkara 66(5) ataupun perkara 150.

Isu perlembagaan boleh selesai, kata kebanyakan orang. Cara penyelesaiannya bagaimana? Menteri Kabinet telah memberi kepercayaan penuh kepada Perdana Menteri untuk menyelesaikan isu 'kecil' ini. Dewan Undangan Negeri Melaka pada 29hb. November, 1983 telah menyuarakan sokongan tidak berbelah bagi mereka kepada pucuk pimpinan pusat untuk menyelesaikan masalah ini. Di Seremban, rakyat berhimpun memberi sokongan pada 2/12/83.

Menurut Mahathir, rakyatlah yang memahami masalah rakyat, "orang lain tidak faham". Perdana Menteri dipilih orang pihak yang ramai, bukan "pihak yang tidak ramai." Oleh itu, tidak ada siapa yang boleh menyuruh Perdana Menteri meletakkan jawatan, melainkan rakyat.

**PENERANGAN PERDANA MENTERI DI DEWAN  
RAKYAT PADA 2HB. DISEMBER. 1983  
PUKUL 4.00 PETANG**

Tuan Yang DiPertua,

1. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk menerangkan kepada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini mengenai perkara yang berkaitan dengan urusan Parlimen.

2. Dalam persidangan Dewan Rakyat pada bulan Julai yang lalu, Dewan ini telah meluluskan beberapa Rang Undang-undang yang mana kemudiannya telah dibahas dan diluluskan pula oleh Dewan Negara. Rang Undang-undang berkenaan adalah:-

- (a) Akta Paten 1983
- (b) Akta Lembaga Kemajuan Ternakan Negara (Pembubaran) 1983
- (c) Akta Profesion Undang-Undang (Pindaan) 1983
- (d) Akta Penyelarasan Pencen (Pindaan) 1983
- (e) Akta Probet dan Pentadbiran (Pindaan) 1983
- (f) Akta Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (Pindaan) 1983
- (g) Akta Taman Negara (Pindaan) 1983
- (h) Akta Perlembagaan (Pindaan) 1983

Tujuh daripada lapan Rang Undang-undang ini telahpun diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang diPertuan Agong yang menjalankan tugas-tugas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong yang sekarang ini masih gering. Rang Undang-Undang yang belum diperkenankan ialah Akta Perlembagaan (Pindaan) 1983.

Tuan Yang Di Pertua,

3. Akta Perlembagaan (Pindaan) 1983 belum lagi diperkenankan kerana Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja tidak bersetuju dengan beberapa bahagian daripada pindaan yang terkandung dalam Rang Undang-undang itu. Bahagian-bahagian yang tidak diperkenankan ialah:-

- (a) Perkara 66(5) berhubung dengan perkenan oleh Yang diPertuan Agong ke atas Rang Undang-undang.



- (b) Perkara 150 berhubung dengan Perisytiharan Darurat.
- (c) Perkara mengenai Jadual Kelapan kepada Perlembagaan yang menyentuh dikenakan oleh Raja-Raja dan Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri ke atas Rang Undang-undang yang diluluskan oleh dewan-dewan undangan negeri.
4. Oleh kerana Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja tidak berkenan supaya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong memperkenankan pindaan-pindaan itu, maka terbuntulah usaha-usaha Parlimen setakat ini.
5. Saya sendiri selaku Perdana Menteri telah berusaha sedaya upaya merafak sembah penjelasan dan rayuan kepada Duli-Duli yang Maha Mulia Raja-Raja supaya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong memperkenankan pindaan-pindaan itu waktu saya mengadap Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja pada 13hb. Oktober, 1983 di Kota Kinabalu. Walau bagaimanapun, semua hujah-hujah yang saya kemukakan itu telah tidak diperkenankan oleh Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja.

Tuan Yang DiPertua,

6. Sebagai langkah lanjut, saya telah meminta jasa baik Majlis Tertinggi UMNO supaya dapat mencari formula jalan keluar. Melalui saluran UMNO ini kita telah menawarkan beberapa cadangan yang tidak mencemar maruah mana-mana pihak.
7. Walau bagaimanapun, cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh wakil-wakil UMNO kepada Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja pada 20hb. November yang lalu di Istana Kayangan, Shah Alam telah tidak diperkenankan oleh Duli-Duli Yang Maha Mulia.
8. Cadangan-cadangan itu semua merupakan pindaan-pindaan kepada pindaan-pindaan asal yang difikirkan boleh mengatasi kekhuatiran Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja. Penyembahan tawaran pindaan-pindaan yang berkenaan meliputi ke semua Perkara 66(5), Perkara 150 dan Jadual Kelapan. Kerajaan berasa kecewa kerana kegagalan usaha ini.
9. Untuk mengelakkan kegelisahan rakyat, perutusan UMNO itu telah merafak sembah memohon Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja untuk membuat satu kenyataan, dan kenyataan inilah yang telah disiarkan atas nama Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja, selepas majlis mengadap pada 20 hb. November itu.

10. Perkembangan-perkembangan ini telahpun saya laporkan kepada jemaah Menteri. Dalam konteks ini pihak Jemaah Menteri berpendapat adalah menjadi tanggungjawab Jemaah Menteri supaya perkara ini dilaporkan kepada Parlimen. Maka inilah saya memaklumkan perkembangan-perkembangan ini kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini pada hari ini.

Tuan Yang DiPetua,

11. Ingin saya tegaskan di sini bahawa tujuan Kerajaan mencadangkan pindaan-pindaan Perlembagaan adalah untuk melicinkan lagi pentadbiran negara supaya tidak timbul salah tafsiran mengenai peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan. Dengan adanya pindaan-pindaan itu perjalanan sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan akan menjadi lebih jelas dan tepat. Tetapi saya merasa dukacita kerana ada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang telah mengambil kesempatan memutarbelitkan perkara ini sehingga menjadi kecoh di kalangan rakyat.

12. Walau bagaimanapun pihak Kerajaan sedang berusaha untuk menyelesaikan masalah ini. Insya-Allah, usaha ini akan mencapai kejayaan akhirnya.

Terima kasih.

Pejabat Perdana Menteri,  
Kuala Lumpur.

- 9 SEP 1986

Naskhab Pemeliharaan  
67 Berpustakaan Negara Malaysia

8 FEB 1985